JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA

LAPORAN AKTIVITI 2019

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Excellent Accounting @ Your Service

Kandungan

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	2
LATAR BELAKANG	4
VISI, MISI & OBJEKTIF	5
CARTA ORGANISASI	6
PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2019/2020	8
NILAI BERSAMA & ETIKA KERJA	10 - 11
PIAGAM PELANGGAN	12
***TAGLINE* & LAGU JABATAN**	13
DIARI	15
LAPORAN AKTIVITI	
i) PENGURUSAN TERTINGGI • Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) • Unit Integriti (UI) • Unit Undang – undang (UU)	21
ii) PENGURUSAN KORPORAT • Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP) • Bahagian Khidmat Perunding (BKP) • Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) • Institut Perakaunan Negara (IPN)	33
iii) PENGURUSAN OPERASI • Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA) • Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) • Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD) • Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF) • Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)	85
iv) MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)	117
v) AKRAB	121
vi) PERSATUAN • Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) • Persatuan Penolong Akauntan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PERPENA) • Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) • Persatuan Suri Dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) • Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN)	125
vii) KELAB • Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia (BERKAT) • Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (KESAN)	139
AHLI JAWATANKUASA	147
PENGHARGAAN	149

PERUTUSAN
Akauntan Negara Malaysia

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,

Syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dapat meneruskan penerbitan Laporan Aktiviti Tahunan bagi tahun 2019. Semua program, acara, dasar dan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2019 telah dimuatkan dalam laporan ini supaya ia dapat menjadi wadah rujukan dan panduan pelbagai pihak pada masa akan datang. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Aktiviti Tahunan JANM pada edisi kali ini.



JANM telah berjaya menggalas tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2019. Ini dibuktikan dengan pencapaian dan kejayaan yang telah dilakar sepanjang tahun seperti penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2018 yang julung kali disediakan menggunakan sistem iGFMAS, penganjuran seminar dan persidangan yang mendapat sambutan menggalakkan seperti Konvensyen KIK JANM, Seminar MPSAS, Persidangan Akauntan Sektor Awam Kali Ke-29, Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-8 dan pelbagai program lagi. Tahun 2019 juga menyaksikan program penilaian Kriteria Kecemerlangan bagi akauntan JANM telah dimulakan bagi akauntan gred WA41 hingga WA52 yang melibatkan seramai 367 orang pegawai. Dari segi prestasi kewangan, JANM telah berjaya mencapai prestasi kewangan sebanyak 99.04% bagi perbelanjaan mengurus dan 98.24% bagi perbelanjaan pembangunan. Saya amat berbangga dengan kerjasama dan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua pihak dalam mencapai kejayaan demi kejayaan melalui program dan aktiviti yang dijalankan oleh JANM sepanjang tahun 2019.

Pada tahun 2019 juga, JANM telah melancarkan dokumen perancangan strategik Jabatan bagi tempoh lima (5) tahun (2019 hingga 2023). Dokumen ini mengandungi Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) yang dibangunkan bersekali bagi membolehkan perancangan Jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan. Pelan Strategik JANM ini telah mengambil kira keadaan semasa dengan merujuk kepada Kajian Separuh Penggal RMK-11, dasar dan inisiatif kerajaan, Revolusi Industri 4.0 serta gelombang teknologi digital. Justeru, tema *'Digital Finance & Accounting'* telah dipilih sebagai tema Pelan Strategik JANM. Saya juga difahamkan tema *'Digital Finance & Accounting'* juga dijadikan tema untuk laporan aktiviti ini. Saya berharap perancangan yang telah disediakan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan komitmen semua pihak kerana semua inisiatif/projek yang telah dirangka Insya-Allah akan membawa JANM ke arah jabatan yang berprestasi tinggi dan ulung seperti yang kita harapkan.

Pada tahun 2019 juga, JANM telah melancarkan dokumen perancangan strategik Jabatan bagi tempoh lima (5) tahun (2019 hingga 2023). Dokumen ini mengandungi Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) yang dibangunkan bersekali bagi membolehkan perancangan Jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan.

Saya yakin berkat iltizam, komitmen dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh semua warga JANM, Jabatan ini akan terus konsisten mengekalkan dan melakar kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua warga JANM dan semoga Allah S.W.T sentiasa mempermudahkan segala urusan dan tanggungjawab kita. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA (C.A(M))
Akauntan Negara Malaysia

LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Peneraju JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

AKAUNTAN NEGARA	TAHUN
G.G.T Browne	1946
E.A.Joy	1947 – 1949 & 1951 – 1952
J.H.Newbigging	1953 – 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
C.E. Gascoigne	1956 – 1957
H.C. Roberts	1958 – 1962
D. Mortimer	1964 – 1966
YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 – 1989
Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 – 1993
YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 – 1999
YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 – 2003
YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 – 2005
YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 – 2010
YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 – 2014
YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 – 2017
YBhg. Datuk Saat bin Esa	2017 – 2019
YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa	**2019 – Sekarang**

Nota:
- En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.
- En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada tahun 1989 hingga 1990.

VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.


MISI

Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.


OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

CARTA ORGANISASI



* SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2019


KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
AKAUNTAN TURUS III
TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT)
AKAUNTAN UTAMA 'B'
PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN & PENGURUSAN
AKAUNTAN UTAMA 'C'
PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
AKAUNTAN UTAMA 'C'
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING
AKAUNTAN UTAMA 'C'
PENGARAH INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
AKAUNTAN GRED WA54
PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM
AKAUNTAN UTAMA 'C'
UNIT INTEGRITI
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK M48
PENGARAH JANM SABAH
AKAUNTAN (WA54)
PENGARAH JANM TERENGGANU
AKAUNTAN (WA52)
PENGARAH JANM KELANTAN
AKAUNTAN (WA54)
PENGARAH JANM NEGERI SEMBILAN
AKAUNTAN (WA52)
PENGARAH JANM MELAKA
AKAUNTAN (WA52)
PENGARAH JANM JOHOR
AKAUNTAN (WA54)
PENGARAH JANM CAWANGAN W.P. LABUAN
AKAUNTAN (WA48)
PENGARAH JANM CAWANGAN SANDAKAN
AKAUNTAN (WA48)
PENGARAH JANM CAWANGAN TAWAU
AKAUNTAN (WA48)
PENGARAH JANM CAWANGAN KENINGAU
AKAUNTAN (WA44)



PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2019/2020



1. **Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**
   Akauntan Negara Malaysia
2. **Encik Mohd Redzuan bin Hasan**
   Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
3. **Encik Sadikin bin Aton**
   Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
4. **Puan Salmiah binti Ramli**
   Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
5. **Encik Jafril bin Junit**
   Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
6. **Encik Muniandy a/l Govindasamy**
   Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
7. **Puan Hamidah binti Noh**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
8. **Tuan Haji Rozaimi bin Idris**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
9. **Puan Noorlida binti Mohd Khalid**
   Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
10. **Puan Hanita binti Bunjari**
    Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
11. **Puan Zainani binti Jusoh**
    Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
12. **Encik Ayub bin Haji Zaidin**
    Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
13. **Encik Burhanudin bin Mohd Noor**
    Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)

Tiada dalam gambar:

1. **Datuk Saat bin Esa**
   Akauntan Negara Malaysia (Sehingga 29 Oktober 2019)
2. **Dato' Zamimi bin Awang**
   Timbalan Akauntan Negara (Korporat) (Sehingga 31 Disember 2019)
3. **Dato' Haji Ramli bin Chik**
   Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
   (Sehingga 30 September 2019)

NILAI BERSAMA

SPECIAL

S — **Mengutamakan pelanggan**
(Satisfying the customers)
Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P — **Profesionalisme**
(Professionalism)
Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.

EC — **Kerja Berpasukan**
(Esprit de Corp)
Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

IA — **Integriti dan Akauntabiliti**
(Integrity and Accountability)
Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

L — **Kesetiaan**
(Loyalty)
Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

ETIKA KERJA



S : Mengutamakan pelanggan *(Satisfying the customers)*

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.



P : Profesionalisme *(Professionalism)*

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.



EC : Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)*

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.



IA : Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)*

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.



L : Kesetiaan *(Loyalty)*

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

Outcome 1

Peningkatan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan

- Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dengan tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.
- Menyedia maklumat perakaunan bulanan untuk pengurusan tidak lewat dari tujuh (7) hari bulan bulan berikutnya.
- Mengeluarkan laporan audit ke atas sistem terimaan dan bayaran dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari dari tarikh selesai pengauditan.

Outcome 2

Peningkatan tahap penyampaian pengurusan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan

- Menyempurnakan bayaran dalam tempoh empat (4) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Memperakaunkan terimaan dalam tempoh tiga hari (3) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Menyediakan sumber manusia perkhidmatan perakaunan yang mencukupi dan kompeten.
- Memproses dan membayar permohonan bayaran balik Wang Tak Dituntut dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh terima permohonan bagi data dalam Sistem G-UMIS.
- Memproses permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Meluluskan 80% permohonan khidmat nasihat sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Memberikan latihan yang sistematik dan berkualiti kepada anggota perkhidmatan awam.
- Memastikan setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem dibuat akuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem *Helpdesk*.
- Memuat naik maklumat ke dalam Sistem e-Penyata Gaji selewat-lewatnya pada tarikh gaji.

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline **Excellent Accounting @ Your Service** telah dibentuk semasa bengkel *'To Be Accounting Model'* yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting

Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@

Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service

Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

LAGU JABATAN

Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa

Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama

Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara

Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara

Ciptaan:
En. Affendi bin Ramli



DIARI



DIARI


1


2


3


4


5

1. **14 Mac 2019**
   Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan JANM Tahun 2018

2. **28 Mac 2019**
   Penyerahan sijil bagi wakil MBJ

3. **28 Mac 2019**
   Perjumpaan bersama Dekan dan Ketua Jabatan

4. **9 April 2019**
   Sesi tandatangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 oleh Akauntan Negara Malaysia

5. **9 April 2019**
   Sesi tandatangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan







6. **16 April 2019**
Sesi penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 kepada Timbalan Ketua Audit Negara

7 & 8. **24 – 26 April 2019**
Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI) Kali Ke – 8

9. **27 – 28 April 2019**
Program Pembinaan Ukhwah Insan

10. **2 Julai 2019**
Majlis Pelancaran Pelan Strategik *Business*, Pelan Strategik ICT dan Pelan Transformasi JANM 2019 – 2023





11. **2 Julai 2019**
Majlis Sambutan
Hari Raya Aidilfitri

12. **16 – 18 Julai 2019**
Persidangan SAGA Agensi
Kerajaan (SeGAC 2019)

13. **18 – 19 Sept 2019**
Persidangan Akauntan
Sektor Awam Kebangsaan
(NAPSAC) Kali Ke – 29



11


12


13

14. **28 September 2019**
Kejohanan Golf
AG *vs* EX – AG



14

15. **10 Oktober 2019**
Majlis Sambutan Hari
Inovasi dan Integriti
JANM



15


16


17


18

16. **11 Oktober 2019**
Sesi penyerahan Nota Serah Tugas sempena persaraan Akauntan Negara Malaysia

17. **30 Oktober 2019**
Penyerahan Watikah Pelantikan Akauntan Negara Malaysia daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan

18. **4 November 2019**
Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia

19. **28 November 2019**
Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi JANM 2019


19

20 & 21.

31 Disember 2019
Majlis Serah dan Terima Tugas Timbalan Akauntan Negara (Korporat)



20


21



LAPORAN AKTIVITI
PENGURUSAN TERTINGGI



BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM BPAD

BPAD adalah bertanggungjawab untuk meningkatkan pematuhan peraturan kewangan dan perakaunan kerajaan melalui pemantauan kawalan dalaman dan khidmat nasihat bagi menjamin kecekapan pengurusan dan pembangunan modal insan yang kompeten.

BPAD telah berjaya melaksanakan keseluruhan fungsi dan aktiviti utama dalam tahun 2019 seperti berikut:


1. Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Penyata Kewangan Akruan
2. Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan
3. Pengauditan Forensik Kehilangan Wang Awam – Kad Inden Minyak
4. Pengauditan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai dan Hasil Duti Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
5. Pengauditan Pengurusan Rekod Kewangan dan Perakaunan
6. Pengauditan Khas – Verifikasi Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun Bagi Pengesahan Kenaikan Pangkat Ketua Jabatan Utama Sektor Awam (JUSA)
7. Penilaian Melalui Sistem *Self Asessment Audit* (SAA) dan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)
8. Urus Setia Penyediaan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan (*Audit Kit*)
9. Kursus Pemantapan Kompetensi Pegawai BPAD

Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Penyata Kewangan Akruan

BPAD telah melaksanakan pengauditan migrasi data baki awal penyata kewangan bagi tahun 2019 untuk memastikan data baki awal yang dimigrasikan ke iGFMAS adalah tepat dan lengkap serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.


Bagi Migrasi Data Transaksi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Baki Lejar GFMAS *Stage* 1 & Baki Lejar Akaun Memorandum *Stage* 2), pengauditan telah dijalankan di 25 Bahagian Akaun Kementerian, 24 JANM Negeri/Cawangan dan dua (2) Bahagian JANM sepanjang bulan Januari hingga April 2019. Terdapat enam (6) skop pengauditan iaitu baki bank, amanah, pelaburan, panjar, deposit dan *staff loan*. Secara keseluruhannya terdapat 48 penemuan pengauditan yang merangkumi 10% isu baki awal dan 90% isu operasi.

Rajah 1 : Statistik Jumlah Pengauditan, Penemuan Mengikut Skop Dan Kategori Penemuan



Bagi Migrasi Data Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Akruan (Aset dan Liabiliti *Stage* 3) pula, 16 skop pengauditan telah diadakan di lima (5) Kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Pengangkutan Malaysia pada bulan September hingga November 2019. Secara keseluruhan terdapat 109 penemuan seperti Rajah 2 di bawah:


Rajah 2 : Statistik Penemuan Mengikut Skop Dan Tahap Risiko



Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan

Objektif pengauditan ini adalah bagi memastikan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dipersembahkan mengikut piawaian yang sedang berkuat kuasa. Pengauditan telah diadakan pada bulan November 2019 di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pengangkutan Malaysia merangkumi lima (5) skop pengauditan iaitu Aset, Liabiliti, Hasil, Belanja dan Ekuiti. Secara keseluruhan terdapat 39 penemuan audit melibatkan tiga (3) kategori risiko iaitu kewangan, perakaunan dan peraturan/pematuhan seperti Rajah 3 di bawah:


Rajah 3 : Statistik Penemuan Mengikut Skop Dan Tahap Risiko
Pengauditan Penyata Kewangan Akruan



Pengauditan Forensik Kehilangan Wang Awam – Kad Inden Minyak

Pada tahun 2019, BPAD telah menjalankan Pengauditan Forensik kehilangan wang awam akibat penyalahgunaan Kad Inden Minyak berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap Laporan Awal dan Laporan Akhir yang dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tahun 2018.

Rajah 4 : Analisa Kehilangan Tunai Dan Persamaan Tunai Tahun 2018



Berdasarkan analisis kehilangan tunai dan persamaan tunai bagi tahun 2018 di atas, 97% (RM2,288,388.15) daripada 15 kes kehilangan daripada kad inden adalah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sehubungan itu, pengauditan forensik telah dijalankan ke atas tiga (3) pejabat PDRM yang terlibat.

Antara penemuan pengauditan forensik bagi penyalahgunaan Kad Inden Minyak adalah seperti berikut:

1. Tiada pemantauan penggunaan kad inden minyak oleh Pegawai Kenderaan.
2. Pertukaran pegawai tidak dibuat ke atas jawatan sensitif tiga (3) hingga lima (5) tahun.
3. Wujud/batal kad inden dan penentuan amaun dilakukan oleh pemandu tanpa pengetahuan Pegawai Kenderaan.
4. Penggunaan resit manual berleluasa tanpa kawalan Pegawai Kenderaan. Resit manual digunakan apabila sistem di stesen minyak *offline*.

Pengauditan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai Dan Hasil Duti Setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Hasil Cukai

Bagi tahun 2019, BPAD telah menjalankan penyemakan dan pengauditan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai di Pusat Bayaran Kuching pada 11 hingga 15 November 2019. Antara penemuan audit ialah tiada kebenaran bertulis bagi had kuasa penyediaan dan memperaku baucar jurnal, pungutan lewat dikeluarkan Resit AP60(ii), Daftar Borang Hasil (Kew. 67/Kew. 68) tidak disenggara/dikemas kini dan Penyata Penyesuaian Akaun Bank tertunggak melebihi tiga (3) bulan.

Hasil Duti Setem

Penyemakan juga telah dilakukan ke atas 900 Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Hasil Duti Setem yang melibatkan 81 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN. Di samping itu, Pengauditan Berasaskan Risiko Pengurusan Perakaunan Hasil Duti Setem turut dijalankan di lapan (8) Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN.

Pengauditan Pengurusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji, memeriksa dan menilai sama ada tahap kawalan dalaman Pengurusan Rekod Kewangan dan Perakaunan yang dilaksanakan oleh agensi adalah mencukupi dan berkesan mengikut Arahan Perbendaharaan 150, Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Pekeliling Perbendaharaan Am 6 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.


BPAD telah melaksanakan 38 pengauditan dalam tahun 2019 berdasarkan kepada Kementerian/ Jabatan yang tidak pernah memohon untuk memusnahkan rekod kewangan dan perakaunan sebelum ini. Antara teguran dan penemuan adalah:

1. Tiada bilik rekod yang khusus.
2. Pegawai Rekod Jabatan tidak dilantik/dikemas kini.
3. Pegawai tidak memahami kepentingan pengurusan bilik dan rekod.
4. Bilik rekod disalahgunakan sebagai tempat makan dan minum.
5. Pegawai yang tidak berkenaan bebas keluar dan masuk bilik rekod.
6. Bilik rekod tidak berkunci.

Verifikasi Prestasi Pengurusan Kewangan Dan Akaun Bagi Pengesahan Kenaikan Pangkat Ketua Jabatan Utama Sektor Awam (JUSA)

Pada tahun 2019, BPAD telah melaksanakan verifikasi terhadap Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi pengesahan jawatan.

Carta 1 : Penarafan LPPKA Bagi Tahun 2018 Dan 2019




Penilaian Melalui Sistem *Self Assessment Audit* (SAA) Dan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)

Penilaian SAA Tahun 2019 telah diagihkan kepada 34 auditi yang terdiri daripada 10 Bahagian JANM, 13 JANM Negeri dan 11 JANM Cawangan yang dilaksanakan secara bulanan.

Berdasarkan penilaian SAA kepada 34 auditi, sebanyak 19 pengauditan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA) di Bahagian JANM dan JANM Negeri/Cawangan telah dilaksanakan bagi memastikan kawalan dalaman yang dilaksanakan di JANM adalah mencukupi dan berkesan dalam sistem pengurusan kewangan dan membantu JANM bersiap siaga bagi mendapat penarafan terbaik dalam penilaian Indeks Akauntabiliti oleh Audit Dalam Perbendaharaan (ADP).

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan, kesemua 19 pejabat telah diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% – 100%, berbanding hanya 13 daripada 17 auditi pejabat sahaja pada tahun 2018. Peningkatan ini menggambarkan bahawa kepatuhan terhadap peraturan serta pekeliling yang berkuat kuasa telah dipatuhi oleh kebanyakan pejabat JANM. Berikut adalah penarafan yang telah diberikan pada tahun 2019:

Carta 2 : Penarafan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)



Petunjuk	%
Penarafan - Cemerlang	90 - 100
Penarafan - Baik	75 - 89
Penarafan - Sederhana	50 - 74



Pra Pengauditan IA Di JANM Kelantan


Pra Pengauditan IA Di JANM Sandakan

Urus Setia Penyediaan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan (*Audit Kit*)

Pada tahun 2019, BPAD telah melaksanakan beberapa siri Bengkel Penyediaan Garis Panduan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan (*Audit Kit*) selaras dengan keperluan MPSAS, polisi Perakaunan Akruan dan lain-lain panduan yang berkuat kuasa. Antaranya ialah Mesyuarat Garis Panduan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan (20 hingga 22 Ogos 2019), Mesyuarat Penyelarasan *Standard Operating Procedure* (SOP) Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan (10 hingga 12 September 2019), Mesyuarat Susulan Garis Panduan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan (21 Oktober 2019) dan Mesyuarat Pelaksanaan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Bahagian Akaun Kementerian, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri dan Cawangan – Zon 1 dan 2 (25 hingga 27 November 2019).

Kursus Pemantapan Kompetensi Pegawai BPAD

BPAD telah melaksanakan pelbagai kursus dan bengkel sepanjang tahun 2019 bagi memantapkan kompetensi dan ilmu pengetahuan pegawai BPAD dalam melaksanakan tugasan harian. Antaranya adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Senarai Kursus/Bengkel Pemantapan Kompetensi Pegawai BPAD 2019

Bil.	Kursus/Bengkel	Tarikh
1.	Bengkel Pemurnian RCM Pra Penyata Kewangan Siri 1	17 – 18 Jan 2019
2.	Bengkel Penetapan Tahap Kematerialan Pengauditan	7 Feb 2019
3.	Bengkel Penyelarasan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan	16 – 17 Apr 2019
4.	Kursus Perakaunan Forensik Penyelewengan Sektor Awam	18 – 19 Jun 2019
5.	Taklimat Penyediaan RCM Aset Perakaunan Akruan	15 – 16 Jul 2019
6.	Bengkel Familiarisasi Modul iGFMAS	22 – 26 Jul 2019
7.	Bengkel Panduan *Audit Kit*	24 – 26 Jul 2019
8.	Kursus Aset dan Inventori	22 – 23 Ogos 2019
9.	Kursus Pengauditan Penyata Kewangan	26 – 27 Ogos 2019
10.	Kursus Pengukuhan *Esprit de Corp* Pegawai BPAD	4 – 6 Okt 2019
11.	Bengkel Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Perancangan Audit Tahun 2020	20 – 22 Nov 2019
12.	Bengkel Pemurnian RCM Pra Penyata Kewangan	9 – 11 Dis 2019



Kursus Pengukuhan *Esprit De Corp* Pegawai BPAD



Bengkel Penetapan KPI BPAD

UNIT INTEGRITI
UI

UI telah ditubuhkan pada awal tahun 2016 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dengan tujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus. UI bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
4. Pengurusan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
5. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
6. Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuat penarafan risiko yang bersesuaian dengan fungsi agensi dan JANM ditarafkan sebagai agensi berisiko tinggi.

Program/Aktiviti Unit Integriti

UI telah menyusun pelbagai program dan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Antara program yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) JANM, pelaksanaan kursus dan hebahan integriti kepada warga JANM.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Jabatan (JAR) Akauntan Negara Malaysia

Keperluan mengadakan Mesyuarat JAR adalah berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Pemantapan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan yang berkuat kuasa 5 Oktober 2018.

UI merupakan urus setia kepada Mesyuarat JAR. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 mensyaratkan agar Mesyuarat JAR diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun dan JANM berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Mesyuarat JAR JANM bagi tahun 2019 telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

Jadual 2 : Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) JANM
Bagi Tahun 2019

Mesyuarat	Tarikh
Mesyuarat JAR JANM Bil. 1/2019	7 Mei 2019
Mesyuarat JAR JANM Bil. 2/2019	15 Nov 2019
Mesyuarat JAR JANM Bil. 3/2019	18 Dis 2019

Kursus Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2019

UI telah menganjurkan Kursus Pengurusan Tatatertib JANM Tahun 2019 pada 8 hingga 10 April 2019 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Johor Bahru dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia (ANM). Kursus ini disertai seramai 59 orang pegawai yang merupakan wakil pengurusan dari setiap Bahagian/Negeri/Cawangan iaitu 17 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 42 orang daripada Kumpulan Pelaksana.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai hal-hal tatakelakuan dan larangan dalam perkhidmatan awam, meningkatkan kefahaman peserta mengenai prosedur dan pengendalian kes-kes tatatertib di Bahagian/Negeri/Cawangan, meningkatkan kemahiran peserta dalam tugas kawalan dan pengawasan tatatertib serta pengurusan kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak mengikut prosedur yang betul sepertimana yang digariskan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di samping itu, peserta kursus berpeluang untuk bertanyakan soalan kepada penceramah berkenaan kes-kes lazim yang berlaku dan cara pengendalian kes berdasarkan senario yang diberi oleh peserta.

Seramai empat (4) orang penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah dalam tujuh (7) sesi sepanjang kursus ini berlangsung seperti berikut:

Jadual 3 : Sesi Ceramah Sempena Kursus Pengurusan Tatatertib JANM Tahun 2019

Bil.	Sesi	Nama Penceramah	Agensi
1.	Sesi 1 : Pengenalan dan Peranan Ketua Jabatan/Penyelia dan Tatakelakuan	Encik Aznirul Fariz bin Alwi	JPA
2.	Sesi 2 : Prosedur Kes Tatatertib Biasa dan Kes Tidak Hadir Bertugas	Encik Aznirul Fariz bin Alwi	JPA
3.	Sesi 3 : Prosedur Tahan Kerja, Gantung Kerja dan Prosedur Sabitan Jenayah, Surcaj dan Hukuman	Encik Aznirul Fariz bin Alwi	JPA
4.	Sesi 4 : Kes Pernyataan Awam di Media Sosial dan LKAN	Encik Aznirul Fariz bin Alwi	JPA
5.	Sesi 5 : Rayuan Tatatertib beserta Contoh Kes	Puan Rosaniza binti Omar	SPA
6.	Sesi 6 : Langkah-langkah Pencegahan Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa	Encik Ridzuan bin Abdul Malek	SPRM
7.	Sesi 7 : Perkongsian Pengamalan Terbaik	ACP Zaiton binti Hussain	PDRM



Kursus Pengurusan Tatatertib JANM Tahun 2019 Di Hotel Grand Bluewave, Johor



Urus Setia Bersama Barisan Penceramah Kursus Pengurusan Tatatertib

Kursus Bulanan Bil. 4/2019 : Integriti Penjawat Awam

Pada 10 Julai 2019, UI dengan kerjasama BPPP telah menganjurkan kursus bulanan bertajuk Integriti Penjawat Awam yang terbahagi kepada tiga (3) sesi seperti berikut:

Jadual 4 : Sesi Ceramah Sempena Kursus Bulanan : Integriti Penjawat Awam

Bil.	Sesi	Nama Penceramah	Agensi
1.	Sesi 1 : Penyataan Awam di Media Sosial	Puan Suriati binti Samsudin	JPA
2.	Sesi 2 : Bicara Kes – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	Puan Suriati binti Samsudin	JPA
3.	Sesi 3 : Nilai-nilai Integriti dari Perspektif Seni dan Budaya	Encik Ali bin Isa	JKKN

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 139 orang warga JANM. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran akan tanggungjawab dan keterbatasan sebagai penjawat awam semasa membuat penyataan di media sosial, perkongsian kes-kes yang melibatkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), membuka minda para peserta kursus tentang nilai-nilai integriti yang berkaitan dengan aspek budaya masyarakat Malaysia secara amnya dan unsur-unsur kesenian yang mempengaruhi nilai-nilai integriti yang positif serta bersifat sejagat yang boleh diaplikasikan dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.

Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2019

Bagi meningkatkan kesedaran warga JANM terhadap peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa, UI telah membuat hebahan integriti secara bulanan yang dihantar melalui e-mel kepada warga JANM.

Bacaan Permata Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Permata Integriti merupakan salah satu aktiviti bagi mengukuhkan integriti di kalangan warga JANM menerusi hebahan cerita yang membawa mesej integriti dan nilai-nilai murni kepada warga JANM. Teks Permata Integriti @ JANM dihebahkan melalui siar raya pada waktu pagi selepas bacaan doa dengan kekerapan satu (1) kali pada setiap bulan.

Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bagi tahun 2019, Lembaga Tatatertib JANM dan UI selaku Urus Setia Lembaga Tatatertib JANM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelbagai kes pelanggaran tatakelakuan seperti yang terkandung dalam Peraturan-peraturan (Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)) 1993. Maklumat statistik kes tatatertib JANM bagi tahun 2019 adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5 : Statistik Kes Tatatertib Di JANM Bagi Tahun 2019

Bil.	Jenis Kes/Prosedur Tatatertib	Bil. Kes Yang Diterima	Bil. Kes Selesai Tahun 2019	Bil. Kes Dibawa Ke Tahun 2020
1.	Tidak Hadir Bertugas	4	4	0
2.	Am	2	2	0
3.	Jenayah	2	0	2


UNIT UNDANG-UNDANG
UU

Fungsi Unit Undang-undang

1. Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.
2. Menyemak dan menggubal semua undang-undang, peraturan, kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan JANM.
3. Menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan kontrak.
4. Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Aktiviti Yang Melibatkan Unit Undang-undang

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Menghadiri Bengkel Penambahbaikan Prosedur Bayaran Permohonan Tuntutan WTD.	18 – 20 Feb 2019
2.	Menghadiri Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) Bil. 1/2019.	16 – 18 Jun 2019
3.	Menghadiri Seminar Asia ADR *Week* 2019.	27 – 29 Jun 2019
4.	Sumbangan Artikel Penulisan bagi pengisian Portal *Knowledge Management*, JANM.	15 Jul 2019
5.	Menghadiri Bengkel Kaedah-kaedah Seni Kepeguaman dan Prosedur Mahkamah bagi Pegawai Siasatan dan Pegawai Pemeriksa WTD Bil. 2/2019.	26 – 31 Okt 2019
6.	Menghadiri Bengkel Tatacara Kewangan Negara : Aspek Perundangan dan Penyediaan Perjanjian Pinjaman Kerajaan Persekutuan.	20 – 21 Nov 2019



Peserta Bengkel Tatacara Kewangan Negara : Aspek Perundangan dan Penyediaan Perjanjian Pinjaman Kerajaan Persekutuan Bersama Puan Peguam Cara Perbendaharaan Kementerian Kewangan



LAPORAN AKTIVITI
PENGURUSAN KORPORAT



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN
BPPP

Pelan Strategik *Business* (*Business Strategic Plan*) (BSP) Dan Pelan Strategik ICT (ICT *Strategic Plan*) (ISP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Bagi Tempoh 2019 – 2023

Pelan Strategik *Business* dan Pelan Strategik ICT JANM telah tamat tempoh pada Disember 2016. Sehubungan dengan itu, pembangunan Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM bagi tempoh 2019 – 2023 adalah perlu bagi memastikan ianya selari dengan hala tuju dan dasar negara. Pembangunan ini akan dapat menyokong keperluan semasa khususnya bagi pelaksanaan perakaunan akruan mulai tahun 2021. Ianya juga bagi memastikan strategi JANM selaras dengan polisi kewangan dan perakaunan antarabangsa.

Mesyuarat Perancangan Pelaksanaan Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM 2019 – 2023

Mesyuarat Perancangan Pelaksanaan Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM 2019 – 2023 telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 10 hingga 11 April 2019. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk memberi kefahaman kepada semua pemilik utama (*Lead Owner*) mengenai tugas, tanggungjawab dan hala tuju yang perlu dilaksanakan berdasarkan Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 serta membincangkan Pelan Strategik JANM (mengikut pemilik/bahagian) yang merangkumi perkara berikut:

1. Teras Strategik BSP dan ISP
2. Strategi BSP dan ISP
3. Program, Projek/Inisiatif
4. *Timeline*, Anggaran Kos BSP dan ISP
5. Pelan tindakan pelaksanaan Pelan Strategik BSP dan ISP



Pembentangan Oleh Perunding, ATD Solutions (M) Sdn. Bhd.


Ahli Mesyuarat Bersama Pengurusan Tertinggi JANM

Majlis Pelancaran Pelan Strategik JANM 2019 – 2023

Majlis Pelancaran Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 telah diadakan pada 2 Julai 2019 dan telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Saat bin Esa. Pembentangan Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 pula telah disampaikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), YBhg. Dato' Zamimi bin Awang. Melalui majlis itu, penyerahan dokumen Pelan Strategik dalam bentuk simpanan digital sebagai simbolik penyerahan KPI Bahagian telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa kepada Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) sebagai wakil penerima Bahagian-bahagian di bawah Pengurusan Operasi dan Korporat.



Pembentangan Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 Oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat)



Sesi Penyerahan Dokumen Pelan Strategik Kepada Timbalan Akauntan Negara

Sesi Taklimat (*Road Show*) Pelan Strategik JANM 2019 – 2023

Sesi taklimat ini diadakan bagi memberi penerangan kepada semua warga mengenai hala tuju JANM dan Pelan Strategik yang telah disediakan. Ini merupakan satu medium komunikasi dua hala di antara pihak pengurusan dan pegawai perkhidmatan perakaunan. Sesi taklimat telah diadakan ke seluruh negara seperti jadual berikut:

Jadual 6 : Sesi Taklimat Pelan Strategik JANM 2019 – 2023

Bil.	Zon	Negeri/Cawangan Terlibat	Lokasi Sesi Taklimat	Tarikh
1.	Tengah	Perak, Selangor dan Putrajaya	Putrajaya	27 Ogos 2019
2.	Selatan	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	Johor	24 Sep 2019
3.	Sarawak	Sibu, Kapit, Bintulu, Limbang dan Miri	Bintulu	6 Nov 2019
		Kuching, Sri Aman dan Sarikei	Kuching	7 Nov 2019
4.	Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang	Kuantan	21 Nov 2019





Pembentangan Pelan Strategik *Business* (BSP) Dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM 2019 – 2023





Peserta Sesi Taklimat Dari JANM Negeri Dan Cawangan

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

JANM telah menerima pensijilan semula EKSA dengan kategori 'Cemerlang' daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkuat kuasa pada 15 September 2018 hingga 14 September 2020. Kejayaan JANM menerima pensijilan semula EKSA ini adalah usaha sama dan kegigihan daripada warga JANM yang disokong penuh oleh Pengurusan Tertinggi yang menjadikan pensijilan EKSA ini salah satu daripada Sasaran Kerja Tahunan (SKT). EKSA perlu dijadikan amalan dan budaya kerja warga JANM sepanjang masa. Amalan budaya EKSA secara konsisten dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

Lawatan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia Ke Nippon Express (M) Sdn. Bhd.

JANM telah mengadakan lawatan amalan EKSA ke Nippon Express (M) Sdn. Bhd. pada 2 Mei 2019. Lawatan ini telah disertai oleh seramai 40 orang peserta dari setiap Bahagian dan diketuai oleh Encik Ab. Ghafar bin Sulaiman, Timbalan Pengarah BPAD. Objektif penganjuran lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai amalan sistem 5S di agensi swasta/persendirian dan mengambil input berguna berkaitan pengamalan 5S di agensi swasta/persendirian untuk diaplikasikan di pejabat JANM.

Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Secara *Do-It-Yourself* (DIY) Kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan

JANM telah memperolehi pensijilan EKSA dengan kategori 'Cemerlang' yang melayakkan Jabatan ini untuk melaksanakan EKSA Secara Kendiri atau *Do-It-Yourself* (DIY) ke atas IPN dan JANM Negeri/Cawangan. Sehubungan itu, JANM telah melaksanakan pengauditan EKSA-DIY ke atas JANM Negeri/Cawangan bermula tahun 2018.

Pada tahun 2019, JANM telah selesai melaksanakan pengauditan pensijilan semula EKSA-DIY ke semua JANM Negeri dan Cawangan yang telah tamat tempoh pensijilan pada tahun 2019. Kaedah pelaksanaan pengauditan EKSA-DIY ini adalah secara audit silang mengikut zon (Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sarawak, Sabah) dan turut melibatkan juruaudit dari Ibu Pejabat JANM. Sebanyak dua (2) siri pengauditan pensijilan telah dijalankan ke IPN dan 15 JANM Negeri/Cawangan pada tahun 2019. Maklumat berkaitan keputusan pengauditan pensijilan semula EKSA-DIY adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 : Keputusan Pengauditan Pensijilan Semula EKSA-DIY JANM Tahun 2019

Bil.	Siri Audit	JANM Negeri	Keputusan Audit
1.	Audit Pensijilan EKSA-DIY JANM Siri 1 Tahun 2019	JANM Negeri Perak	Cemerlang
		JANM Cawangan Bintulu	Baik
		JANM Cawangan Kapit	Cemerlang
2.	Audit Pensijilan EKSA-DIY JANM Siri 2 Tahun 2019	JANM Negeri Kedah	Cemerlang
		JANM Negeri Pulau Pinang	Cemerlang
		JANM Cawangan Miri	Cemerlang
		JANM Negeri Sabah	Cemerlang
		JANM Cawangan Tawau	Cemerlang
		JANM Cawangan Sri Aman	Cemerlang
		JANM Negeri Sarawak	Laporan Audit dan permohonan pensijilan semula EKSA secara DIY telah dihantar ke MAMPU dan masih menunggu maklum balas dari pihak MAMPU
		JANM Cawangan Keningau	
		JANM Cawangan Sandakan	
		JANM Cawangan Limbang	
		JANM Cawangan Sarikei	
		JANM Cawangan Labuan	
		Institut Perakaunan Negara (IPN)	

Program Inovasi Dan Integriti JANM

Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK telah diadakan pada 27 hingga 28 Mac 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Jumlah penyertaan adalah seramai 88 orang yang terdiri daripada wakil JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan. Penceramah jemputan adalah Encik Hairulazuan bin Hairullah dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



Perbincangan Kumpulan Bersama Penceramah



Pengarah BKP Bergambar Bersama Para Peserta Dan Urus Setia Bengkel KIK

Bengkel Penulisan Kreatif

Bengkel Penulisan Kreatif telah diadakan pada 18 April 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 65 peserta yang terdiri daripada wakil Bahagian JANM telah hadir ke bengkel ini. Penceramah jemputan adalah Puan Noor Azmah Ibrahim yang merupakan bekas wartawan Utusan Malaysia. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengasah dan mempertingkatkan kemahiran penulisan kreatif warga JANM serta menterjemahkan dan mendokumentasi idea-idea inovasi dalam bentuk penulisan.



Peserta Bengkel Bergambar Bersama Penceramah

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat menulis di kalangan warga JANM. Tempoh pertandingan bermula dari 1 April hingga 31 Julai 2019. Artikel-artikel pemenang telah dikongsikan di dalam Portal *Knowledge Management* JANM. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 8 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Artikel
Pertama	Puan Sofia binti Mohd Sofee	BPAD	Sifat Ihsan Pemangkin Integriti Kakitangan Awam
Kedua	Encik Mohd Hazrul bin Che Rahim	BPOPP	Cabaran Akauntan Sektor Awam
Ketiga	Puan Kamisah binti Idris	JANM Negeri Pahang	Inovasi Seiring dengan Integriti

Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan untuk kebaikan organisasi. Sebanyak 19 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Tempoh pertandingan bermula dari 2 hingga 31 Mei 2019. Tiga (3) pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah seperti berikut:



Poster Pertandingan Idea Inovasi JANM 2019

Jadual 9 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Idea Inovasi
Pertama	Encik Muhammad Safwan bin Abdul Rahman	JANM Cawangan Miri	Aplikasi Pemantauan Pencapaian KPI Jabatan (KPPK)
Kedua	Puan Nur Affniyana binti Wad	JANM Cawangan Sandakan	Sistem Maklumat Pegawai Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketiga	Encik Mohd Nor bin Mohidin	JANM Negeri Johor	*MyCourse*

Pertandingan Poster Inovasi

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan ini bermula dari 15 Mei hingga 15 Jun 2019. Penilaian pertandingan telah dibuat berdasarkan kriteria seperti berikut:

1. Keaslian
2. Kreativiti, Unik dan Impak Positif
3. Kesesuaian Grafik dan Gabungan Warna
4. Persembahan dan Keterampilan

Jadual 10 : Senarai Pemenang Pertandingan Poster Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Muhammad Norsham bin Hamdan	BPPP
Kedua	YM. Tengku Mohd Azlan bin Tengku Dalam	JANM Negeri Pahang
Ketiga	Puan Zahirah binti Aminuddin	BPTM



Poster Pemenang Pertama

Lawatan Inovasi

Program lawatan inovasi merupakan salah satu program inovasi tahunan JANM. Lawatan ini telah diadakan pada 17 Julai 2019 bertempat di Menara TM ONE. Objektif lawatan adalah untuk mempelajari idea-idea inovatif dari Telekom Malaysia (TM) untuk pelaksanaan *Digital Workspace* yang bukan hanya memerlukan pelaburan dari segi teknologi digital malah sumber, proses, bakat dan set kemahiran, polisi serta rangka kerja undang-undang dan kepimpinan.


Lawatan Inovasi Ke Menara TM ONE

Ceramah Motivasi

Ceramah motivasi bertajuk 'Cipta Budaya Kerja Cemerlang' telah diadakan pada 22 Ogos 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Ceramah motivasi ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Nor bin Mamat dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM.



Urus Setia Bergambar Bersama Penceramah

Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi JANM

Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi telah diadakan pada 6 September 2019 bertempat di Dewan Serbaguna dan sekitar bangunan JANM. Sesi 'zumba' juga diadakan sebelum aktiviti *Treasure Hunt* Inovasi bermula. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 11 : Senarai Pemenang Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi JANM

Kedudukan	Nama Kumpulan	JANM Bahagian
Pertama	Lemak Manis	BPOPA
Kedua	NFS Most Wanted	BKP
Ketiga	Fear Factor	BPOPA

Ceramah Inovasi

JANM telah menganjurkan satu ceramah inovasi bertajuk 'Melakar Kendiri Positif' yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Ab Rahman Ibrahim pada 25 September 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Ceramah ini telah dihadiri oleh seramai 114 warga JANM termasuk warga JANM Negeri/ Cawangan yang menonton melalui *live streaming*.



Ceramah Inovasi Disampaikan Oleh YBrs. Dr. Ab Rahman Ibrahim

S.P.E.C.I.A.L *Run* JANM 2019

Pertandingan larian maya (*virtual run*) telah diadakan bermula 28 Ogos hingga 11 September 2019. Larian maya ini adalah lebih fleksibel kerana boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja mengikut kesesuaian masa peserta dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh penganjur. Hadiah wang tunai telah diberikan kepada Bahagian yang mempunyai peratus penyertaan yang terbanyak dan berjaya menamatkan larian. Senarai pemenang adalah seperti berikut:



Jadual 12 : Senarai Pemenang S.P.E.C.I.A.L *Run* JANM 2019

Kedudukan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	BKP
Kedua	BPOPP
Ketiga	JANM Cawangan Sri Aman

Pertandingan Mencipta *Desktop Wallpaper* Dan *Screensaver*

Pertandingan ini telah diadakan pada 27 Ogos hingga 29 September 2019. Sebanyak 11 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Kriteria penilaian pertandingan adalah berdasarkan kriteria berikut:

1. Keaslian
2. Kreativiti
3. Unik dan Impak Positif
4. Kesesuaian Grafik dan Gabungan Warna
5. Persembahan dan Keterampilan



Jadual 13 : Senarai Pemenang Pertandingan Mencipta *Desktop Wallpaper* Dan *Screensaver* JANM

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Muhammad Ikram bin Abdul Karim	BPTM
Kedua	Encik Muhammad Mustaqeem bin Mohd Sopee	BKP
Ketiga	Puan Mardiana binti Abu Hassan	JANM Negeri Melaka

Konvensyen KIK

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat JANM telah diadakan pada 8 hingga 9 Oktober 2019 bertempat di IPN Sabak Bernam. Sebanyak 12 penyertaan telah diterima sehingga tarikh tutup pada 30 Ogos 2019.

Objektif KIK JANM diadakan antaranya adalah:

1. Mekanisme untuk melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru.
2. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan.
3. Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.

Konvensyen ini telah diadili oleh tiga (3) orang hakim dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan SUK Negeri Sembilan. Keputusan Konvensyen adalah seperti berikut:

Jadual 14 : Senarai Pemenang Konvensyen KIK

Kedudukan	Nama Kumpulan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	i-Perintis	JANM Negeri Pahang
Kedua	SMART	JANM Negeri Selangor
Ketiga	THINKSMART	JANM Negeri Pulau Pinang

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM pada 10 Oktober 2019.



Lawatan Ke *Booth* Peserta Oleh Tetamu Jemputan





Persembahan Oleh Kumpulan KIK



Lawatan Ke *Booth* Peserta Oleh Panel Juri

Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM Tahun 2019

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM dilaksanakan setiap tahun dengan disokong oleh penganjuran program/aktiviti inovasi dan integriti yang disertai oleh warga JANM. Tema sambutan pada tahun ini adalah 'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'.



Bacaan Ikrar

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2019 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan (TMK) pada 10 Oktober 2019. YB. Dato' Wira juga berbesar hati melancarkan Aplikasi *Mobile* ePenyata Gaji JANM dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan yang diadakan sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2019.



Penyampaian Hadiah Kepada Juara Konvensyen KIK JANM 2019, JANM Negeri Pahang



Pemenang JANM Negeri/Cawangan Bersama Pengurusan BPOPP

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2018

Majlis AAK JANM Tahun 2018 telah diadakan pada 14 Mac 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia dan dihadiri oleh 350 warga JANM dari semua Bahagian, Negeri dan Cawangan.

Majlis ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada warga JANM yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2018. Seramai 183 pegawai dari semua JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan telah menerima anugerah ini. Daripada 183 penerima tersebut, 44 penerima dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 139 penerima dari kumpulan Pelaksana. Para penerima anugerah telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan.



Pelancaran Majlis AAK JANM 2018 Oleh Akauntan Negara Malaysia



Penyerahan Sijil AAK JANM 2018 Yang Disampaikan Oleh Akauntan Negara Malaysia



Sesi Bergambar Penerima AAK JANM 2018 Bersama Pengurusan Tertinggi JANM



Barisan Urus Setia Majlis AAK JANM 2018

Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi

Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi telah diadakan pada 28 November 2019 bertempat di Movenpick Hotel and Convention Centre, KLIA. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah. Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan dan tanda penghargaan pihak Jabatan kepada pegawai-pegawai yang bersara pada tahun 2019.

Penerima sijil penghargaan dan cenderamata sempena Majlis Persaraan pada tahun 2019 adalah seramai 46 orang pegawai dengan mantan Akauntan Negara Malaysia (ANM) iaitu YBhg. Datuk Saat bin Esa mendahului penerima yang lain. Pecahan jenis persaraan, bilangan pesara wajib dan pilihan serta pegawai yang meninggal dalam perkhidmatan mengikut jantina adalah seperti Jadual 15.



Ucapan Aluan Oleh YBrs. Dr. Yacob Bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia


Penyampaian Sijil Penghargaan Dan Cenderamata Kepada YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Mantan Akauntan Negara Malaysia

Jadual 15 : Jenis Persaraan Mengikut Bilangan Jantina

Jenis Persaraan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Wajib	11	15	26
Pilihan	6	7	13
Meninggal dunia	2	5	7
Dibersarakan atas sebab kesihatan	0	0	0
Jumlah	**19**	**27**	**46**



Pesara Bergambar Bersama Timbalan Menteri Kewangan Dan Pengurusan Tertinggi JANM

Lawatan Akademik Dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Sepanjang tahun 2019, JANM telah menerima lawatan akademik daripada lima (5) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Antaranya adalah seperti berikut:

Jadual 16 : Lawatan Akademik Dari Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta

Bil.	Nama Institusi	Tarikh Lawatan	Bilangan	
			Pelajar	Pengiring
1.	Kolej Antarabangsa Unifield	13 Mei 2019	41	2
2.	Akademi Tentera Darat	24 Okt 2019	35	7
3.	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Melaka	6 Nov 2019	44	2
4.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	26 Nov 2019	52	1
5.	Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	16 Dis 2019	30	1

Objektif lawatan akademik ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai fungsi dan peranan JANM, memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem perakaunan di dalam sektor awam serta mendedahkan pelajar terhadap isu-isu dan cabaran di dalam dunia pekerjaan terutama di dalam bidang perakaunan sektor awam.



Lawatan Akademik Dari Kolej Antarabangsa Unifield



Lawatan Akademik Dari Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)

Lawatan Delegasi Dari Luar Negara

Sepanjang tahun 2019, JANM telah menerima enam (6) kunjungan lawatan dari delegasi luar negara seperti berikut:

Jadual 17 : Lawatan Delegasi Dari Luar Negara

Bil.	Delegasi Luar Negara	Tarikh Lawatan
1.	Vietnam	16 Jan 2019
2.	Arab Saudi	12 Feb 2019
3.	India	21 Feb 2019
4.	Kemboja	20 Mac 2019
5.	Kemboja	1 Okt 2019
6.	Sri Lanka	16 Okt 2019

Lawatan dan kunjungan hormat tersebut adalah bertujuan untuk mengetahui peranan dan fungsi JANM, bertukar pendapat dan pandangan mengenai Perakaunan Akruan serta perancangan dan pengurusan fiskal dan belanjawan negara. Selain itu, delegasi yang hadir juga ingin mengetahui mengenai sistem maklumat kewangan yang dipraktikkan oleh JANM. Antara aktiviti lawatan delegasi merangkumi taklimat ringkas daripada Bahagian yang berkaitan, sesi soal jawab dan perbincangan serta sesi bergambar kenangan.



Lawatan Delegasi Dari Vietnam



Lawatan Delegasi Dari Ministry Of Economy And Finance Cambodia




Lawatan Delegasi Dari Pegawai Kerajaan Sri Lanka

Perjawatan

Melalui sumber manusia yang efektif, pengisian bagi perjawatan skim perakaunan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hal ini dibuktikan melalui peratusan pengisian sebanyak 96.80% iaitu sebanyak 5,566 daripada 5,750 perjawatan di Kementerian dan Jabatan seluruh Malaysia.

Dengan pengurusan yang tersusun, peningkatan pengisian jawatan adalah stabil atau meningkat di semua gred jawatan. Dengan peratus pengisian yang tinggi, tugas di bidang kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

Carta 3 : Pecahan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Pada Tahun 2019



Pemangkuan

Urusan pemangkuan adalah merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan sumber manusia. Ini merupakan suatu inisiatif dalam bentuk kemajuan kerjaya kepada pegawai dan juga satu dorongan dalam peningkatan prestasi kerja pegawai. Pelaksanaan pengurusan pemangkuan skim perkhidmatan perakaunan dilaksanakan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 tahun 2010. Perincian maklumat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 18.


Jadual 18 : Statistik Perbandingan Pegawai Perkhidmatan Perakaunan Untuk Urusan Pemangkuan Bagi Tahun 2018 Dan 2019

Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Bilangan Pegawai		
		Tahun 2018	Tahun 2019	
			Pemangkuan Hakiki	Pemangkuan KUP
Pengurusan Tertinggi	JUSA	5	11	3
Pengurusan Dan Profesional	WA54	18	8	3
	WA52	19	16	8
	WA48	29	16	14
	WA44	33	17	5
Pelaksana	W40	2	0	-
	W36	29	11	-
	W32	34	36	-
	W28	3	1	-
	W26	16	16	-
	W22	39	19	-
Jumlah		**214**	**151**	**33**

Lapor Diri Pegawai Lantikan Baharu

Sepanjang tahun 2019, lantikan baharu bagi Akauntan Gred WA41 adalah seramai 32 orang manakala bagi Pembantu Akauntan W19 adalah seramai empat (4) orang. Tiada lantikan baharu bagi jawatan Penolong Akauntan Gred W29 disebabkan oleh lebihan Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) berikutan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Carta 4 : Perbandingan Jumlah Pegawai
Skim Perkhidmatan Perakaunan Lantikan Baharu
Bagi Tahun 2018 dan 2019



Kriteria Kecemerlangan (KC)

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2018 yang terdapat di dalamnya pindaan skim perkhidmatan akauntan, Kriteria Kecemerlangan (KC) dilaksanakan buat pertama kalinya bagi pegawai-pegawai Akauntan gred WA41 hingga gred WA52 sebelum diperakukan bagi urusan pemangkuan.

Setiap pegawai mengikut susunan tahun lantikan dan tahun kenaikan pangkat yang telah layak untuk diberikan pemangkuan diwajibkan untuk lulus KC terlebih dahulu. Objektif utama KC adalah untuk menguji dan mengenal pasti pegawai-pegawai yang benar-benar kompeten dan layak untuk diberikan pemangkuan ke gred lebih tinggi.

Secara dasarnya, terdapat dua (2) jenis KC iaitu KC Dengan Kekosongan dan KC Tanpa Kekosongan selaras dengan pelaksanaan dua (2) laluan kenaikan pangkat bagi pegawai akauntan. Kedua-dua jenis KC tersebut mempunyai komposisi dan wajaran yang sedikit berbeza. KC Dengan Kekosongan adalah bagi pegawai yang akan diberikan pemangkuan sekiranya terdapat kekosongan hakiki manakala KC Tanpa Kekosongan adalah bagi pegawai yang telah diberikan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) melalui keahlian penuh Badan Ikhtisas.

Komposisi utama dalam KC terbahagi kepada tiga (3) iaitu Syarat Wajib, Penilaian Ketua Jabatan dan Penilaian Kompetensi yang masing-masing membawa wajaran tertentu. Penilaian Ketua Jabatan membawa wajaran sebanyak 20% manakala Penilaian Kompetensi menyumbang baki 80%.

Jadual 19 : Statistik Pegawai Akauntan Pelbagai Gred Yang Dipanggil
Untuk Menghadiri KC Dengan Kekosongan Pada Tahun 2019

Komposisi	Gred			
	WA41	WA44	WA48	WA52
Pegawai layak dipanggil	131	153	65	43
Pegawai tidak hadir	5	3	10	7
Pegawai lulus	125	139	37	28
Pegawai tidak lulus	1	11	18	8

Kursus Dan Seminar

Kursus Bulanan

Ringkasan kursus bulanan anjuran BPPP adalah:

1. Merupakan kursus di bawah seliaan Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK) yang menawarkan kursus *soft skills* dan tajuk-tajuk yang relevan dan terkini mengikut trend semasa.

2. Membolehkan semua warga JANM dan pegawai perakaunan dapat mengikuti kursus bagi mencapai tujuh (7) hari berkursus setahun.



Kursus Pemantapan Imej, Etika Dan Personaliti Unggul

3. Kursus ini juga terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Perakaunan yang bertugas di lain-lain Kementerian dan Jabatan sekitar Putrajaya.

Pada tahun 2019, UPKK telah melaksanakan lapan (8) siri kursus bulanan. Kesemua kursus tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dan melibatkan seramai 1,172 orang peserta.

Jadual 20 : Kursus Bulanan Yang Telah Diadakan Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Teknik Komunikasi : Diplomasi, Rundingan dan Analisis Strategik	20 Feb 2019	182
2.	Bicara Psikologi	19 Mac 2019	270
3.	Institusi Kekeluargaan Islam : Hak dan Tanggungjawab	12 Jun 2019	168
4.	Integriti Penjawat Awam	17 Jul 2019	139
5.	Pengenalan kepada Persaraan dan Faedah Terbitan	7 Ogos 2019	128
6.	Teknik Pembaca Super (*Speed Reading*) – Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional	22 – 23 Sep 2019	124
7.	*Brain Booster*	14 Okt 2019	81
8.	Pemantapan Imej, Etika dan Personaliti Unggul	13 Nov 2019	80


Peserta Kursus Bergambar Bersama Penceramah Jemputan

Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara

Kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah bagi memberi pendedahan berhubung isu dan perkembangan semasa dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sektor awam di peringkat antarabangsa. Selain itu, pegawai yang terlibat juga berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan berhubung polisi dan tatacara perakaunan yang diamalkan di negara yang telah mempraktikkan perakaunan asas akruan dan untuk mengembangkan *networking* profesionalisme perkhidmatan perakaunan sektor awam Malaysia di peringkat antarabangsa.

Jadual 21 : Senarai Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Kursus dan Tempat	Tarikh
1.	2019 *Public Expenditure Management Network In Asia* (PEMNA) TCoP *Conference* di Korea Selatan	6 – 7 Mac 2019
2.	*Asean Hometown Improvement Forum* di Thailand	7 – 8 Mac 2019
3.	2019 *Public Expenditure Management Network In Asia* (PEMNA) *Plenary Conference* di Vietnam	22 – 24 Mei 2019
4.	CIPFA *Annual Conference & Exhibition* 2019 di United Kingdom	7 – 13 Jul 2019
5.	2019 *Governance, Risk and Control Conference* (GRC *Conference*) di Amerika Syarikat	9 – 5 Ogos 2019
6.	Sesi Latihan *Hands-on* dan Penyesuaian Vot/Hasil/Amanah dan Melaksanakan Kajian *Cash In Hand* di PTJ iSPLN di Indonesia	17 – 20 Sep 2019
7.	Mesyuarat *International Public Sector Accounting Standards Board* (IPSASB) di Portugal	24 – 27 Sep 2019
8.	2019 *Public Expenditure Management Network In Asia* (PEMNA) di Rusia	30 Sep – 4 Okt 2019
9.	Sesi Latihan *Hands-on* dan Penyesuaian Vot/Hasil/Amanah dan Melaksanakan Kajian *Cash In Hand* di PTJ iSPLN di Thailand	30 Sep – 4 Okt 2019
10.	ASR *Vision Customer Executive Forum* di Indonesia	11 – 13 Nov 2019
11.	Lawatan Kerja Pendedahan dan Penanda Aras di London	11 – 15 Nov 2019
12.	*Skills Future for Digital Workplace : Positioning for the Future –Intelligent* IT *for the Anytime, Anywhere Workforce* di Singapura	14 – 15 Nov 2019
13.	Lawatan Kerja Pasukan Naziran iSPLN di Singapura	18 – 22 Nov 2019
14.	Lawatan Kerja Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan di Kanada	18 – 22 Nov 2019
15.	RSOG *Senior Leadership Programme* (SLP) – *Leading Lasting Change* 2019 di United Kingdom	1 – 6 Dis 2019
16.	Sesi Latihan *Hands-on* dan Penyesuaian Vot/Hasil/Amanah dan Melaksanakan Kajian *Cash In Hand* di PTJ iSPLN di Korea Selatan	2 – 5 Dis 2019

Kursus Swasta Dalam Negeri

Kursus swasta dalam negeri merupakan salah satu medium bagi memantapkan kompetensi pegawai JANM dengan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak swasta atau kerajaan. Kursus-kursus yang dihadiri adalah untuk meningkatkan profesionalisme pegawai dengan menambah pengetahuan bagi membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pegawai.

Jadual 22 : Kursus Swasta Dalam Negeri Yang Dihadiri Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat
1.	BW310 – BW Enterprise *Data Warehousing*	11 – 15 Feb 2019	Wisma Goshen, Bangsar
2.	*Mobile Application Training*	18 – 22 Feb 2019	Amcorp Mall, Petaling Jaya
3.	Mengendali Pekerja Bermasalah : *Tips* & Cara Terbaik Menangani Masalah Disiplin Dalam Organisasi	19 – 20 Feb 2019	Hotel Mahkota, Melaka
4.	BC100 – *Introduction to Programming with* ABAP (Siri 1)	11 – 12 Mac 2019	I-World Technology, Kuala Lumpur
5.	*Certified Tester Foundation Level* (CTFL)	12 – 15 Mac 2019	Technology Park, Bukit Jalil
6.	BC100 – *Introduction to Programming with* ABAP (Siri 2)	13 – 14 Mac 2019	I-World Technology, Kuala Lumpur
7.	BIG L&D *Summit* 2019 – *Emerging Trends In Learning & Development*	27 – 28 Mac 2019	Hotel Seri Pacific
8.	Seminar MPSAS	2 – 3 Apr 2019	Hotel Tenera, Bangi
9.	*Microsoft Excel Intermediate & Advance*	9 – 10 Apr 2019	Puchong
10.	*The New Currency Going Cashless*	23 Apr 2019	Nexus, Bangsar
11.	Setiausaha *Awesome* & Berintegriti	23 Apr 2019	Dewan DIFKA, Bangi
12.	Seminar Modenisasi Peranan Juruaudit Dalam Merentasi Cabaran Pengauditan Baharu	24 – 25 Apr 2019	Hotel Holiday Inn, Melaka
13.	*Wordpress Advance Training – Enhance Wordpress Development Skill*	24 – 26 Apr 2019	Pulau Pinang
14.	*Data Intelligence & Analytics Conference* 2019	30 Apr 2019	Nexus, Bangsar
15.	SAP *Transport Management Customised*	17 – 18 Jun 2019	Kelana Jaya
16.	*Microsoft Excel Intermediate & Advance*	19 – 20 Jun 2019	Puchong
17.	*Asian International Arbitration Centre*	26 – 27 Jun 2019	Kuala Lumpur
18.	SAP *Workflow – Concepts, Inboxes, Reporting and Working with Delivered Templates* (BIT600)	26 – 27 Jun 2019	Megan Avenue II
19.	*Script Audit Language* (ACL)	16 – 18 Jul 2019	Akademi Audit Negara
20.	Asas Penyelenggaraan Kenderaan	15 – 16 Sep 2019	Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah
21.	Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke – 29	18 – 19 Sep 2019	Kota Bharu, Kelantan

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat
22.	ISMS ISO/IEC 27001 : 2013	23 – 27 Sep 2019	Mid Valley, Kuala Lumpur
23.	*Certified Ethical Hacker* v10	23 – 27 Sep 2019	Kuala Lumpur
24.	Program Pensijilan Pengurusan Aset Tahap 1	14 Okt 2019	JKR Create, Melaka
25.	Persidangan MIA 2019	22 – 23 Okt 2019	Kuala Lumpur Convention Centre
26.	*Best Practise In Planning and Conducting Fraud Investigation*	6 – 7 Nov 2019	Connex, Bangsar
27.	*Conference for Government* ICT *Officers of Malaysia* 2019	7 Nov 2019	Aidan Technologies Sdn. Bhd.
28.	ABAP *Workbench Foundations* (BC400)	18 – 22 Nov 2019	Mid Valley, Kuala Lumpur
29.	*International Case Study Conference* (ICSC 2019)	24 – 26 Nov 2019	Kota Kinabalu, Sabah
30.	Pematuhan Arahan Keselamatan & Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972 : Integriti Menangani Ketirisan Rahsia Kerajaan	30 – 31 Nov 2019	MITC, Melaka
31.	ISMS ISO/IEC 27001 : 2013 *Auditor/Lead Auditor*	2 – 6 Dis 2019	MA Smart Consultancy Sdn. Bhd.
32.	*Wireshark Certified Network Analyst* (WCNA) *Training*	4 – 6 Dis 2019	Kuala Lumpur
33.	Simposium Pengurusan & Pengauditan Kewangan 2019 : Memperkasakan Sinergi Juruaudit Dalam Menghadapi Cabaran	5 – 6 Dis 2019	INSPIM

Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*)

Seiring dengan objektif Jabatan, Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*) dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan. Ia juga menjadi platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya warga perakaunan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 27 kursus melibatkan penyertaan seramai 1,021 pegawai terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan seperti berikut:

Jadual 23 : Kursus Pelan Latihan Operasi Sepanjang Tahun 2019

Kumpulan	Siri	Kehadiran
Akauntan	11	648
Penolong Akauntan	9	211
Pembantu Akauntan	7	162



Peserta *Training Roadmap*



Persidangan Akauntan Antarabangsa *Malaysian Institute Of Accountants* (MIA) 2019

MIA telah menganjurkan Persidangan MIA 2019 pada 22 hingga 23 Oktober 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Persidangan kali ini yang bertemakan *Trust & Sustainability In A Digital Economy* telah dirasmikan oleh YB. Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Persidangan selama dua (2) hari itu dihadiri kira-kira 3,000 delegasi dari 30 buah negara termasuk 173 orang pegawai dari JANM. Persidangan ini dianjurkan khas untuk para akauntan dengan nilai-nilai integriti dan kebertanggungjawaban untuk mengharumkan era ekonomi digital yang dinamik.



Ucapan Perasmian Oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi





Peserta Persidangan



Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)

Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) HRMIS JANM

JANM telah berjaya mengekalkan pencapaian KPI HRMIS 100% bagi tahun 2018 untuk kali ketiga. Penganugerahan sijil kecemerlangan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Borhan bin Dolah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS yang ke-46 pada 25 April 2019. Status pencapaian JANM bagi tiga (3) tahun penilaian adalah seperti berikut:

Jadual 24 : Status Pencapaian KPI HRMIS Mulai Tahun 2016 Hingga 2018

Tahun	Bilangan Kriteria Penilaian	Pencapaian Pelaksanaan HRMIS Di JANM (*Rating*)	Jumlah Markah (Pemarkahan adalah bergantung kepada kaedah perkiraan pada tahun penilaian)
2016	6	5 *star*	100
2017	6	5 *star*	100
2018	6	5 *star*	100

Bagi menghargai kerjasama warga JANM, Jabatan turut menganugerahkan sijil penghargaan kepada setiap Bahagian dan pejabat JANM Negeri/Cawangan dan diserahkan kepada duta HRMIS JANM daripada kalangan penyelaras dan pentadbir perkhidmatan yang hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana HRMIS Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 1 Oktober 2019 di Kuala Lumpur.



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana HRMIS JANM Bilangan 1 Tahun 2019



Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Duta HRMIS JANM



Barisan Penyelaras Dan Pentadbir Perkhidmatan Bahagian Dan Pejabat JANM Negeri/Cawangan

Program Pengurusan Sumber Manusia JANM

Bengkel Kerja Penyelarasan Urusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2019

Bengkel Kerja Penyelarasan Urusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2019 telah diadakan pada 1 hingga 4 Oktober 2019 bertempat di Hotel Corus Kuala Lumpur. Bengkel ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Jafril bin Junit, Pengarah BPPP.

Bengkel seperti ini adalah program tahunan dan fokus pada tahun 2019 adalah kepada pengurusan elaun, pengurusan perubatan, peraturan pegawai awam, pengurusan BPK dan Kew. 8, pengurusan kenaikan pangkat perakaunan, dasar urusan pertukaran skim perakaunan dan HRMIS. Selain itu, pada tahun 2019 sesi klinik urusan perkhidmatan telah diwujudkan bertujuan untuk soal jawab dan penerangan yang lebih fokus mengikut kes.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 89 orang peserta terdiri daripada wakil Bahagian, JANM Negeri dan Cawangan termasuk urus setia dan penceramah. Penceramah adalah terdiri daripada pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pegawai BPPP.

Maklum balas yang diterima daripada peserta bengkel adalah sangat baik terutamanya hal-hal berkaitan perkhidmatan. Selain itu, bengkel ini dapat menjalin hubungan baik antara pegawai di Ibu Pejabat, Bahagian, Negeri dan Cawangan. Peserta berpeluang mengemukakan pertanyaan terus kepada pegawai yang berkaitan dengan adanya sesi klinik perkhidmatan dan diminta supaya sesi tersebut diteruskan pada masa akan datang. Secara keseluruhan, bengkel ini dapat memberi kefahaman yang lebih jelas kepada semua peserta seterusnya mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.



Peserta Bengkel Kerja Penyelarasan Urusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2019

Prestasi Kewangan

Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B10)

Pada tahun 2019, JANM telah diperuntukkan sebanyak RM473.06 juta bagi Program Perkhidmatan Perakaunan berbanding RM356.00 juta pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM117.06 juta atau 32.88%. Peningkatan adalah disebabkan oleh peruntukan tambahan kepada BPTM sebanyak RM191.00 juta bagi perolehan *Refresher* iGFMAS 2.0. Pecahan peruntukan JANM bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di Jadual 25.

Jadual 25 : Pecahan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2018 Dan 2019


Peruntukan	Tahun 2018 (RM Juta)	Tahun 2019 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)
Emolumen	130.75	133.19	2.44
Bekalan dan Perkhidmatan	223.40	158.85	(64.55)
Aset	1.50	180.82	179.32
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.35	0.19	(0.16)
Jumlah Keseluruhan	**356.00**	**473.06**	**117.06**

Trend peruntukan serta perbelanjaan Program Perkhidmatan Perakaunan bagi tiga (3) tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 26 dan Carta 5.

Jadual 26 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus JANM


Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2017	Tahun 2018	Tahun 2019
Peruntukan (RM Juta)	251.40	356.00	473.06
Perbelanjaan (RM Juta)	242.05	335.51	468.64
Prestasi Perbelanjaan (%)	96.28	94.24	99.06

Carta 5 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus JANM



Selain daripada Program Perkhidmatan Perakaunan, JANM juga menerima peruntukan bagi Program Khusus iaitu Bertugas ke Luar Negara dan Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM0.50 juta dan RM3.33 juta masing-masing. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan kepada JANM bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM476.90 juta dengan pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti Carta 6.

Carta 6 : Pecahan Agihan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2019




Sehingga bulan berakhir 31 Disember 2019, JANM telah mengoptimumkan perbelanjaan yang diperuntukkan dengan pencapaian keseluruhan perbelanjaan sebanyak 99.04% berbanding sasaran 95%. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2019 mengikut program adalah seperti Jadual 27.

Jadual 27 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus JANM Tahun 2019

Butiran	Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
Program Perkhidmatan Perakaunan				
050100	Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	50.97	49.09	96.30
050200	Pengurusan Wang Tak Dituntut	9.83	9.65	98.26
050300	Pengurusan Teknologi Maklumat	283.68	282.40	99.55
050400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	82.88	82.66	99.73
050500	Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	6.59	6.57	99.70
050600	Pengurusan Audit Dalam	10.07	9.95	98.78
050700	Khidmat Perunding	9.39	9.08	96.77
050800	Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan	4.46	4.26	95.54
050800	Institut Perakaunan Negara	15.15	14.93	98.53
Jumlah Kecil		**473.06**	**468.63**	**99.06**
Program Khusus				
060100	Bertugas Luar Negara	0.50	0.44	89.74
060200	Emolumen Kakitangan Kontrak	3.33	3.22	96.81
Jumlah Kecil		**3.83**	**3.67**	**95.89**
Jumlah Keseluruhan		**476.90**	**472.31**	**99.04**

Perbandingan peruntukan berbanding perbelanjaan bagi program JANM tahun 2019 adalah seperti Carta 7.

Carta 7 : Perbandingan Peruntukan Berbanding Perbelanjaan
Bagi Program/Aktiviti JANM Tahun 2019




Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P10)

Bagi tahun 2019, *Rolling Plan* 4 Rancangan Malaysia Ke-11 (RP4 RMKe-11), JANM telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM38.61 juta iaitu bagi empat (4) projek sambungan dan satu (1) projek baharu. Trend peruntukan dan perbelanjaan bagi RMKe-11 adalah seperti Jadual 28 dan Carta 8.

Jadual 28 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan JANM
Bagi RMKe-11

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2015 RP1	Tahun 2016 RP2	Tahun 2017 RP3	Tahun 2018 RP4	Tahun 2019 RP4
Peruntukan (RM Juta)	76.07	92.33	45.59	20.39	38.61
Perbelanjaan (RM Juta)	71.34	92.33	45.59	20.14	37.93
Prestasi Perbelanjaan (%)	93.79	100	100	98.77	98.24

Carta 8 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11



Secara terperinci, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2019 mengikut Butiran Projek adalah seperti Jadual 29.

Jadual 29 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Mengikut Butiran Projek Bagi Tahun 2019

Butiran Projek/ Sub Butiran	Tajuk	Anggaran Tahun 2019 (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
06000 – Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara				
0090001	Projek Perluasan SAGA	6.42	6.04	94.01
0120001	Naik Taraf Rangkaian ICT Selaras Dengan iPV6	4.68	4.68	100.00
0160001	Perolehan Server Bagi DRC dan Penggantian Server di Pusat Data iSPLN	0.00	0.00	0.00
Jumlah Kecil		**11.10**	**10.72**	**96.59**
07000 – Projek Institut Perakaunan Negara (Baharu)				
0030001	Pembaikan Bangunan dan Kemudahan Infrastruktur STP serta Kemudahan Mekanikal dan Elektrikal di IPN, Sabak Bernam Kesan Mendapan Tanah	0.30	0.03	9.74
86000 – *Strategic Reform Initiatives* (SRI)				
0040001	Pembangunan 1AG *System*	27.20	27.17	99.92
Jumlah Keseluruhan		**38.61**	**37.93**	**98.24**


Prestasi Pengurusan Perolehan

Perolehan bekalan dan perkhidmatan JANM yang dilaksanakan secara tender, sebut harga dan rundingan harga adalah berdasarkan kepada tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti Jadual 30 dan Carta 9 berikut:

Jadual 30 : Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan

Perolehan	Tahun 2017		Tahun 2018		Tahun 2019	
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	5	11,029,853	7	12,962,082	5	272,670,686.99
Sebut Harga	4	1,297,264	7	1,524,558	11	2,166,026.72
Rundingan Terus	14	47,369,932	7	149,587,869	3	4,062,270.62
Jumlah	**23**	**59,697,049**	**21**	**164,074,509**	**19**	**278,898,984.33**

Carta 9 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan




Perbandingan perancangan perolehan dengan pelaksanaan bagi tahun 2019 adalah seperti Jadual 31, Carta 10 dan Carta 11.


Jadual 31 : Perbandingan Perancangan Perolehan Dengan Pelaksanaan Bagi Tahun 2019

Perolehan	Perancangan		Pelaksanaan	
	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	7	327,756,512	5	272,670,686
Sebut Harga	11	3,077,179	11	2,166,026
Rundingan Terus	5	30,385,479	3	4,062,270
Jumlah	**23**	**388,219,170**	**19**	**278,898,982**

Carta 10 : Bilangan Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar




Carta 11 : Jumlah Kos Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar



Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Tahun 2019

Akauntan Negara Malaysia telah diwakilkan kuasa oleh Menteri Kewangan bagi urusan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. JANM bertanggungjawab melaksanakan proses temu duga calon untuk diluluskan sebagai Juruaudit Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Proses temu duga melibatkan empat (4) modul penilaian dan panel terdiri daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Bank Negara Malaysia (BNM). Calon perlu lulus semua modul yang ditetapkan sebelum diluluskan sebagai Juruaudit Syarikat.

Carta 12 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat Di Bawah Seksyen 263(2), Akta Syarikat 2016 Bagi Tahun 2017 Hingga 2019



Jadual 32 : Analisis Pencapaian Temu Duga Mengikut Modul Tahun 2019


Bilangan Calon	Modul 1	Modul 2	Modul 3	Modul 4
Lulus	113	108	105	113
Gagal	47	52	55	47
Jumlah Calon	**160**	**160**	**160**	**160**

Keterangan Modul:


- **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** (Akta Syarikat 2016)
- **Suruhanjaya Sekuriti (SC)** (Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007)
- **Institut Akauntan Malaysia (MIA)** (Akta Akauntan 1967 & MIA By-Law)
- **Bank Negara Malaysia (BNM)** (Akta Perkhidmatan Kewangan 2013) (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2019)

Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah untuk tempoh selama dua (2) tahun sahaja dan permohonan pembaharuan kelulusan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu. Carta 13 dan Carta 14 menunjukkan bilangan sijil pembaharuan kelulusan dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

Carta 13 : Bilangan Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Syarikat Di Bawah Seksyen 263(4), Akta Syarikat 2016 Dari Tahun 2017 Hingga 2019



Carta 14 : Bilangan Pembaharuan Kelulusan Penyelesai Syarikat Di Bawah Seksyen 433(4C), Akta Syarikat 2016 Dari Tahun 2017 Hingga 2019



Permohonan kelulusan baharu dan pembaharuan sebagai Juruaudit Syarikat dan Penyelesai dilaksanakan oleh JANM secara atas talian melalui portal *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) yang dibangunkan oleh Unit BLESS, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI)

Pembangunan PPI yang bermula dengan aktiviti penyelidikan terhadap 26 entiti berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal telah memasuki fasa penggubalan piawaian pada tahun 2017. Pada tahun 2019, beberapa aktiviti yang melibatkan penyelidikan, penggubalan piawaian perakaunan Islam dan Mesyuarat Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Islam telah dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam.

Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 3

Dapatan penyelidikan Fasa 3 yang telah selesai pada Disember 2018, telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penilaian Laporan Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 3 pada 15 hingga 17 Oktober 2019. Penyelidikan ini memfokuskan kepada aspek piawaian berkaitan hasil, belanja dan liabiliti. Penyelidik daripada tiga (3) buah universiti telah membentangkan hasil dapatan kajian kepada wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).





Mesyuarat Penilaian Laporan Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 3 Di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur

Penubuhan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Islam

Pada tahun 2019, terdapat dua (2) jawatankuasa piawaian perakaunan Islam ditubuhkan bagi memastikan pembangunan piawaian perakaunan Islam mempunyai tadbir urus yang baik. Senarai jawatankuasa yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs)
2. Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Perakaunan Islam (JPPI)

a) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Perakaunan Islam (JPPI)

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menyemak dan mencadangkan serta memperakukan draf dedahan piawaian perakaunan Islam kepada Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) bersama ahli jawatankuasa yang terdiri daripada wakil JANM, MAIN, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, JAKIM, MASB, ahli akademik dan KPMG. Pada tahun 2019, Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak lima (5) siri bagi membincangkan isu-isu berkaitan pembentangan penyata kewangan iaitu draf dedahan bagi Fasa 1.



Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Dan Penggubalan (JPPI) Bil. 3/2019

b) Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs) Bil. 1/2019

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menyemak dan memperakukan serta meluluskan draf dedahan piawaian perakaunan Islam untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia bersama ahli jawatankuasa yang terdiri daripada wakil daripada JAKIM, JAWHAR, Jabatan Audit Negara, Mufti Negeri dan MASB. Mesyuarat pertama bagi Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam telah diadakan pada 28 Mei 2019.



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs) Bil. 1/2019

Penggubalan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 2

Penggubalan bagi PPIBZW Fasa 2 berkaitan lapan (8) aspek piawaian aset telah selesai dilaksanakan. Tempoh penggubalan draf piawaian bagi lapan (8) aspek piawaian aset ini telah mengambil masa selama sembilan (9) bulan iaitu bersamaan dengan 15 kali mesyuarat. Satu mesyuarat penggubalan telah diadakan di Kuala Terengganu di mana kumpulan penulis didedahkan kepada pembangunan tanah wakaf di Terengganu. Kumpulan penulis juga berpeluang berdialog dengan pengurusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berkaitan isu pengurusan aset wakaf.



Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 6/2019



Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 10/2019 : Sesi Lawatan Aset Wakaf Di MAIDAM

Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 2 dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Penulisan draf piawaian perakaunan Islam Fasa 2 sebanyak lapan (8) aspek piawaian berkaitan aset telah selesai pada September 2019. Seterusnya draf tersebut telah disemak bersama dengan wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri dari seluruh negara. Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian telah diadakan sebanyak tiga (3) siri dengan dihadiri oleh wakil Majlis Agama Islam Negeri dari seluruh negara.



Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Dengan Majlis Agama Islam Negeri Bil. 1/2019



Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Dengan Majlis Agama Islam Negeri Bil. 2/2019



Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Dengan Majlis Agama Islam Negeri Bil. 3/2019

BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING

BKP

Kursus Latihan Dan *Hands On* Penyesuaian Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Kepada Tenaga Pengajar

BKP telah menganjurkan Kursus Persediaan Latihan dan *Hands On* Penyesuaian Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) bagi tahun 2019 kepada tenaga pengajar. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan membantu tenaga pengajar mengendalikan latihan secara praktikal berkenaan sub modul baru iaitu Penyediaan Penyata Penyesuaian di dalam sistem iSPLN. Sesi latihan telah diadakan dari 8 hingga 11 Julai 2019 bertempat di Bilik Latihan, BKP dan dihadiri seramai 26 peserta dari Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pelaksanaan Sesi Latihan Dan *Hands On* Penyesuaian Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Pelaksanaan Sesi Latihan dan *Hands-on* Penyesuaian Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah diadakan di tiga (3) lokasi iaitu Jakarta, Bangkok dan Seoul dalam bulan September, Oktober dan Disember 2019.

Ini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 143 (AP143) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 Tahun 2018 (SPANM) yang mana PTJ dikehendaki menyediakan penyesuaian vot, hasil dan amanah bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan betul dan tepat.

Sesi latihan ini melibatkan sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTJ). Manakala, peserta terdiri daripada pegawai KLN, MINDEF, MOA, JPM dan JPA seramai 28 orang.



Latihan Di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Bangkok, Thailand



Latihan Di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Seoul, Korea

Lawatan Pelaksanaan i-BAYAR Kerajaan Negeri Melaka

Unit i-Payment (UPay), BKP telah mengadakan satu (1) lawatan pada 31 Oktober 2019. Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil BPOPA dan BPTM.

Lawatan ini merupakan kajian awal berkaitan pelaksanaan sistem i-BAYAR di peringkat Kerajaan Negeri selaras dengan inisiatif di bawah Pelan Strategik *Business* (BSP) JANM 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 2 Julai 2019 untuk meningkatkan kemudahan platform i-BAYAR di Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan

Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP) ditubuhkan di JANM bertujuan untuk mengkaji dan meluluskan permohonan pembangunan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat JKSPKP dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan dianggotai oleh Pengarah BKP, BPOPA, BPAD, BA MOF, Timbalan Pengarah BKP dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, BKP.

Mesyuarat JKSPKP perlu diadakan minimum dua (2) kali setahun. Pada tahun 2019, mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak empat (4) kali seperti di Jadual 33.



Mesyuarat JKSPKP Bil. 4/2019

Jadual 33 : Bilangan Mesyuarat JKSPKP Bagi Tahun 2019

Bilangan Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Kelulusan Sistem
JKSPKP Bil. 1/2019	28 Feb 2019	1
JKSPKP Bil. 2/2019	15 Mei 2019	5
JKSPKP Bil. 3/2019	15 Jul 2019	5
JKSPKP Bil. 4/2019	6 Nov 2019	7

Pemantauan Pelaksanaan Sistem Terimaan/Bayaran Dan Penggunaan Saluran Terimaan Secara e-PEMBAYARAN di Kementerian/Jabatan Persekutuan

Pemantauan terhadap sistem terimaan/bayaran dijalankan untuk memastikan pelaksanaan tatacara penerimaan/pembayaran yang digunakan oleh Kementerian/Jabatan beroperasi seperti mana kelulusan yang diperolehi daripada JANM serta mematuhi pekeliling semasa.

Pada tahun 2019, pemantauan pelaksanaan sistem terimaan/bayaran telah dijalankan di dua (2) Jabatan iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Pemantauan di JKDM dan JPPM merangkumi lima (5) skop pemeriksaan iaitu *Walkthrough* Pelaksanaan Terimaan, Tatacara/Prosedur Terimaan, Proses Penjanaan Resit Rasmi, Proses Penyediaan Penyata Pemungut dan Semakan Terhadap Laporan yang berkaitan.



Pemantauan Di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)

Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SAGA *Government Agencies Conference* – SeGAC) 2019

BKP JANM dengan kerjasama Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dan Institut Perakaunan Negara (IPN) telah mengadakan Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SeGAC) 2019 pada 16 hingga 18 Julai 2019 bertempat di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia.

Persidangan pada kali ini bertemakan SAGA 3P : *Prompt.Precise.Probity* bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai informasi terkini sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang memenuhi Kriteria Pematuhan SAGA dan sebagai platform untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan mengenai piawaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS). Persidangan ini yang dihadiri oleh 380 orang peserta dari Agensi Kerajaan, Bahagian Akaun Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Bahagian JANM dan Pembekal Sistem, turut menjadi platform bagi perkongsian maklumat dan pengalaman daripada agensi yang telah berjaya memperolehi Sijil Pematuhan SAGA.

Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) 2019

Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) 2019 yang bertemakan 'Yang MERAH itu SAGA' telah diadakan pada 3 Disember 2019 di Holiday Villa City Centre, Johor Bahru. MASS 2019 telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia.

Majlis ini diadakan bagi meraikan inisiatif agensi yang berusaha untuk mematuhi dan memperolehi Sijil Pematuhan SAGA serta Kementerian dan SUK sebagai Jawatankuasa Pemantau SAGA yang telah memberi kerjasama dalam memperolehi pengiktirafan ini.

Sepuluh agensi yang telah diberi Sijil Pematuhan SAGA di dalam majlis ini adalah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH).

Pelaksanaan Latihan iSPEKS Versi 2.1 Di Kerajaan Negeri Sembilan Dan Selangor

Latihan iSPEKS Versi 2.1 telah diadakan pada 8 Oktober hingga 29 November 2019 di Kerajaan Negeri Sembilan dan Selangor. Objektif latihan ini diadakan adalah untuk memberi persediaan kepada Kerajaan Negeri dalam menggunakan sistem iSPEKS yang akan *Go-Live* mulai Januari 2020. Latihan ini diberikan oleh wakil dari TTSB (*trainers*) dan wakil dari BKP sebagai fasilitator dan pemantau untuk memastikan latihan yang diberikan adalah tepat dan mengikut silibus yang ditetapkan. Latihan ini melibatkan pengguna di Pejabat Bendahari Negeri, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Jabatan di Kerajaan Negeri.



Sesi Latihan iSPEKS Versi 2.1 Di Perbendaharaan Negeri Sembilan



Sesi Latihan iSPEKS Versi 2.1 Di Perbendaharaan Negeri Selangor

Sesi *Transfer Of Knowledge* (TOT) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM)

16 hingga 17 April 2019	6 hingga 9 Ogos 2019
Bil. 6 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (Arahan Perbendaharaan 11)	Bil. 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan
Bil. 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Bayaran	Bil. 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Akaun Deposit

Kedua-dua sesi TOT ini telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dan telah dirasmikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat). Objektif TOT ini diadakan adalah untuk memberi input lebih mendalam berkenaan surat pekeliling berkenaan dan telah dihadiri oleh Bahagian Akaun dari semua Kementerian dan Bahagian di JANM.

Program/Kursus Anjuran Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan

Jadual 34 : Program/Kursus Anjuran Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Kursus Pengukuhan Pasukan – *Boost Productivity Through Building Momentum of Integrity*	26 – 28 Jul 2019	Taman Negara, Pahang
2.	Kursus Kumpulan Pelaksana –*Competency and Communication Skills in English*	4 – 6 Sep 2019	Perak
3.	Mesyuarat Pengemaskinian Kerangka Keberhasilan di Peringkat Aktiviti di bawah Pendekatan *Outcome Based Budgeting* (OBB)	26 – 27 Sep 2019	PICC, Putrajaya
4.	Kursus Kumpulan Pengurusan dan Profesional – *Project Management and Professional Development*	16 – 18 Okt 2019	Melaka
5.	Mesyuarat Perancangan Kerja Tahunan 2020 dan Pencapaian KPI 2019	25 – 27 Nov 2019	Melaka



Kursus Kumpulan Pelaksana

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BPTM

Lab Pengurusan Nilai (*Value Management* – VM) Bagi Perolehan Infrastruktur Perkakasan Dan Perisian Serta Perkhidmatan Migrasi Sistem Perakaunan Akruan Bersepadu Kerajaan Persekutuan (iGFMAS)

Lab Pengurusan Nilai (*Value Management* – VM) bagi Perolehan Infrastruktur Perkakasan dan Perisian serta Perkhidmatan Migrasi iGFMAS telah diadakan pada 9 hingga 16 Januari 2019 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). *Lab* ini melibatkan seramai 93 orang pegawai terdiri daripada wakil JANM, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Pelaksanaan VM melibatkan tiga (3) fasa iaitu Kajian Nilai (*Value Asssessment* – VA), Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering* – VE) dan Semakan Nilai (*Value Review* – VR). Pada peringkat VA, ia akan digunakan sebagai salah satu strategi pengurusan bagi mencapai *value for money* kerana pada peringkat ini keperluan sebenar projek dapat ditentukan dan ia boleh menghasilkan penjimatan daripada anggaran kos asal.

Peringkat VE adalah strategi bagi memastikan reka bentuk projek yang sesuai dan padan dengan objektif projek (*fit for purpose*) bagi mengelakkan pembaziran kos dan menggunakan teknologi yang terbaik. Seterusnya pada fasa VR, semakan selepas pelaksanaan dibuat untuk penambahbaikan berterusan dengan mempelajari kebaikan dan kelemahan projek.

Antara objektif diadakan *Lab* Pengurusan Nilai adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan tahap ketepatan andaian yang diguna pakai semasa perancangan.
2. Mengenal pasti keperluan sebenar bagi mencapai fungsi yang ditetapkan.
3. Menggalakkan dan menjana idea kreatif.
4. Mengoptimumkan penggunaan sumber.
5. Mempercepat proses membuat sesuatu keputusan.
6. Memastikan dan meningkatkan standard, kaedah, prosedur serta kriteria sesuatu projek supaya selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.
7. Mempertingkatkan prestasi dan sinergi peserta yang terlibat dalan kerja kumpulan.
8. Mengambil kira penggunaan Kos Kitaran Hayat (*Life-cycle Cost* – LCC).

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS 2019

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2019 telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2019 melibatkan seramai 209 orang (122 pegawai JANM dan 87 pegawai iA). Aktiviti simulasi ini diadakan di dua (2) lokasi secara serentak iaitu di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM, JANM dan *Disaster Recovery Centre* (DRC), Pusat Data Strateq, Petaling Jaya.

Aktiviti ini merupakan aktiviti simulasi pemulihan bencana yang ketiga bagi sistem iGFMAS dan merupakan aktiviti tahunan bagi BPTM, JANM untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan sistem iGFMAS sekiranya berlaku bencana melibatkan persekitaran Pusat Data *Production* (PRD) iGFMAS di i-City Shah Alam.

Objektif aktiviti adalah seperti berikut:

1. Memastikan *Recovery Time Objective* (RTO) dan *Recovery Point Objective* (RPO) bagi sistem iGFMAS tercapai sekiranya berlaku bencana.
2. Menguji keupayaan infrastruktur pemulihan bencana di persekitaran DRC.
3. Memastikan data/maklumat sistem iGFMAS di persekitaran DRC diuji untuk memastikan ianya sama seperti di persekitaran PRD.
4. Mengenal pasti perkara yang boleh ditambah baik dalam proses sedia ada berdasarkan laporan *post-morterm*.
5. Mengenal pasti kelebihan, kekurangan dan seterusnya membuat penambahbaikan pada dokumen yang berkaitan pemulihan bencana iGFMAS.
6. Memberi pendedahan dan latihan kepada ahli Pasukan IT DR.

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2019 telah berjaya dilaksanakan dengan *zero data loss* bagi RPO dan mencapai sasaran RTO kurang dari 10 jam yang telah ditetapkan iaitu selama 8 jam 58 minit.



Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana Di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM, JANM



Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana Di Pusat Data Strateq, Petaling Jaya

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2019

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2019 telah diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2019 bertempat di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini melibatkan seramai 83 peserta terdiri daripada Pegawai Teknikal JANM Ibu Pejabat dan JANM Negeri/Cawangan.





Sesi Perbincangan Dan Soal Jawab

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT ini merupakan agenda tahunan BPTM dengan objektif berikut:

1. Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan ICT di semua Pejabat Perakaunan.
2. Meningkatkan pengetahuan peserta dan boleh dipraktikkan semasa kerja seharian.
3. Membincang dan menyelesaikan isu teknikal ICT dan operasi di Pejabat Perakaunan Negeri/ Cawangan JANM berkaitan iGFMAS dan lain-lain sistem yang terlibat.
4. Sesi perbincangan dua hala di antara pihak BPTM bersama pegawai ICT Negeri/Cawangan dalam menghadapi cabaran menjalankan tugas di peringkat Negeri/Cawangan.



Peserta Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2019

Aktiviti Pelupusan Dan *Decommissioning* Perkakasan GFMAS Dan eSPKB Serta Peralatan Pusat Data Di Pejabat Perakaunan JANM

Aktiviti pelupusan dan *decommissioning* perkakasan GFMAS dan eSPKB serta peralatan pusat data di Pejabat Perakaunan JANM telah diadakan dalam tempoh Jun hingga Disember 2019. Aktiviti ini melibatkan Ibu Pejabat, 24 JANM Negeri/Cawangan, Institut Perakaunan Negara (IPN) dan 10 Bahagian Akaun Kementerian yang menggunakan GFMAS dan eSPKB.

Aktiviti ini dijalankan bagi membuat penyahtaraan (*decommission*) perkakasan GFMAS dan eSPKB serta peralatan pusat data di semua lokasi yang terlibat. Aktiviti ini merupakan salah satu skop di bawah projek pembangunan iGFMAS.

Kakitangan teknikal BPTM telah membuat lawatan ke lapan (8) pejabat JANM Negeri/Cawangan untuk menyaksi dan memantau sendiri perjalanan kerja-kerja pelupusan perkakasan GFMAS dan eSPKB serta peralatan pusat data. Lawatan tersebut telah dijalankan di lokasi berikut:



Kerja-kerja *Decommissioning* Sedang Dijalankan

Jadual 35 : Aktiviti Pelupusan Dan *Decommissioning* Perkakasan GFMAS Dan eSPKB Serta Peralatan Pusat Data Di Pejabat Perakaunan JANM

Bil.	Tarikh	Lokasi
1.	27 – 30 Sep 2019	JANM Keningau
2.	3 Okt 2019	JANM Sabah
3.	4 – 6 Okt 2019	JANM Labuan
4.	9 – 12 Okt 2019	JANM Sarikei
5.	2 – 4 Nov 2019	JANM Sandakan
6.	6 – 8 Nov 2019	JANM Tawau
7.	13 – 15 Nov 2019	JANM Sarawak
8.	20 – 22 Nov 2019	JANM Sri Aman



Kerja-kerja Pelupusan Sedang Dijalankan

Perolehan Infrastruktur Perkakasan Dan Perisian Sistem Perakaunan Akruan Bersepadu Kerajaan Persekutuan (iGFMAS) Dan Aplikasi Sokongan JANM

Pelaksanaan projek ini adalah selama 10 bulan dan tempoh jaminan infrastruktur adalah selama lima (5) tahun iaitu sehingga April 2025. Objektif projek adalah bagi menampung keperluan sistem penyampaian iGFMAS dan aplikasi sokongan JANM sehingga tahun 2025.

Projek ini merupakan penggantian kepada infrastruktur sedia ada di tiga (3) persekitaran iGFMAS (*Development, Production* dan *Disaster Recover*) yang merangkumi skop berikut:

1. Perolehan perkakasan (server, storan dan *tape library*).
2. Perolehan perisian (tambahan dan pembaharuan lesen sedia ada).
3. Perolehan rangkaian (perkakasan, *cabling* dan sewaan talian replikasi).
4. Perkhidmatan (migrasi data, aplikasi, penyenggaraan *command centre* dan khidmat sokongan).
5. Lain-lain (pengantian peralatan pusat data JANM, *decommissioning* perkakasan iGFMAS dan sistem sokongan).



Kerja-kerja Pembekalan Dan Pemasangan Perkakasan Di DEV Di Ibu Pejabat, PRD Di iCity Shah Alam Dan DRC Di Petaling Jaya

Power User Training – BWBI

Power User Training bagi modul BWBI telah diadakan dalam dua (2) siri, iaitu Siri 1 pada 4 hingga 14 November 2019 dan Siri 2 pada 18 hingga 27 November 2019 bertempat di Bilik Latihan BPTM, JANM. Program ini melibatkan 70 peserta terdiri daripada wakil 25 Kementerian dan Bahagian di Ibu Pejabat JANM.

Di antara objektif program diadakan adalah:

1. Memberi pengetahuan berkenaan konsep Modul BWBI *Power User* (peserta dapat memahami konsep BWBI *Power User* sepenuhnya setelah kursus tamat).
2. Memberikan kemahiran dan kefahaman kepada peserta berkenaan tatacara pengendalian Modul BWBI *Power User* (peserta dapat memahami dan mengendalikan Modul BWBI *Power User* di Kementerian setelah kursus tamat).
3. Manual latihan pengguna yang diberikan adalah mencukupi dan dapat membantu *user* dalam mengendalikan laporan yang dikehendaki.

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
IPN

IPN telah diamanatkan sebagai Institut Latihan Awam (ILA) *Core Centre* Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan. IPN berperanan untuk melaksanakan Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Akruan (Asas)
3. Perakaunan Akruan (Pertengahan)
4. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
5. Perakaunan Pembayaran Kerajaan
6. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
7. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
8. Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
12. Asas Pengurusan Kewangan

Secara keseluruhan, bagi tahun 2019 IPN telah melaksanakan sebanyak 395 kursus atau 99 peratus daripada 399 kursus yang telah dirancang. Daripada jumlah tersebut, 254 adalah kursus yang ditakwimkan dalam Jadual Program Latihan IPN manakala 141 kursus adalah di luar Jadual Program Latihan IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2019 adalah seramai 9,600 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 4,357 orang manakala 5,243 orang adalah daripada Kumpulan Pelaksana.



Laporan Pelaksanaan Kursus Takwim Latihan IPN 2019

Bagi tahun 2019, sebanyak 249 kursus telah dirancang di dalam Takwim Latihan. Kursus-kursus ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kewangan, Pengauditan, Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Zon Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Daripada 249 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 254 kursus dan telah mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 36.

Jadual 36 : Prestasi Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2019

Bil.	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan		Bilangan Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
A	**Kursus Perakaunan**			
1.	Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan	3	5	194
2.	Perakaunan Pembayaran Kerajaan	3	-	42
3.	Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar	7	4	242
4.	Perakaunan Akruan (Asas)	6	5	228
5.	Perakaunan Akruan (Pertengahan)	3	5	177
6.	Perakaunan Forensik (Asas)	2	-	38
7.	Perakaunan Forensik (Pertengahan)	2	-	154
8.	MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan	5	-	149
9.	MPSAS : Perakaunan Aset	5	-	171
10.	MPSAS : Perakaunan Hasil	5	-	196
11.	MPSAS : Perakaunan Belanja	5	-	166
12.	Pengenalan Kepada MPSAS PBT dan Badan Berkanun	2	-	30
13.	*Accounting For Non-Accounting Manager*	1	-	10
14.	MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan PBT	2	-	29
15.	Pengenalan kepada MPSAS	1	5	166
16.	Asas Perakaunan Kerajaan	-	5	131
Jumlah		**52**	**30**	**2,123**
B	**Kursus Kewangan**			
1.	Sistem Belanjawan Negara (Asas)	2	-	35
2.	Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam	18	5	495
3.	Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan	12	5	389
4.	Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan	6	5	296
5.	Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan	2	-	64
6.	Asas Pengurusan Kewangan	8	-	124
7.	Pengurusan Perolehan Kerja	1	-	14
8.	Asas Pengurusan Kewangan PBT	1	-	15
9.	Perolehan Secara Pembelian Terus dan Sebut Harga B	5	-	77
10.	Perolehan Secara Sebut Harga dan Tender	5	-	113
11.	Perolehan Khidmat Perunding	1	-	12
Jumlah		**61**	**15**	**1,634**

Bil.	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan		Bilangan Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
C	**Kursus Pengauditan**			
1.	Pengurusan Prosedur Kawalan Terimaan	2	-	26
Jumlah		**2**	**-**	**26**
D	**Kursus Sistem Maklumat Perakaunan**			
1.	ePerolehan – Pembelian Terus/Pengurusan Kontrak	6	-	103
2.	ePerolehan – Sebut Harga/Tender/eBidding	5	-	92
3.	Kod Perakaunan iGFMAS (CAA)	4	5	288
4.	Sistem Pengurusan Aset (SPA)	7	-	130
5.	Sistem Pengurusan Stor (SPS)	7	-	133
6.	*Comprehensive Microsoft Excel*	1	-	16
7.	*Comprehensive Microsoft Power Point*	1	-	16
8.	Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)	4	-	71
9.	MySPATA : Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan	1	-	21
10.	iGFMAS : Perakaunan Terimaan	5	5	218
11.	iGFMAS : Pengurusan Perolehan	5	-	78
12.	iGFMAS : Perakaunan Pembayaran	5	6	255
13.	iGFMAS : Perakaunan Aset	5	-	97
14.	iGFMAS : Untuk Pengurus PTJ	2	-	37
15.	iGFMAS : Pengurusan Gaji (Emolumen)	5	5	240
Jumlah		**63**	**20**	**1,795**
E	**Kursus Baharu**			
1.	*Mirosoft Excel For Data Analysis*	1	-	27
2.	*PowerPoint For Excellent Presentation*	1	-	15
3.	Perakaunan Islam	1	-	15
4.	Perakaunan Pengurusan : Analisa Penyata Kewangan	2	-	152
5.	Perakaunan Pengurusan : Analisa Kos	1	-	61
6.	Pengguna Epiplex	2	-	25
7.	Pengenalan Analisa Data iGFMAS – ACL	2	-	42
8.	*Video Editing*	1	-	20
Jumlah		**11**	**-**	**357**
Jumlah Keseluruhan		**189**	**65**	**5,935**

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 5,935 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Daripada jumlah ini, 1,459 atau 25 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 4,476 peserta atau 75 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Laporan Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2019

Selain daripada pelaksanaan kursus yang ditakwimkan dalam latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 adalah seperti di Jadual 37.

Jadual 37 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2019

Bil.	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan	Bilangan Peserta
1.	Program Transformasi Minda dan Pra Penempatan	4	42
2.	Kelas Persediaan Peperiksaan Profesional	80	1,520
3.	*Executive Talk*	5	297
4.	Kursus *Training Roadmap*	15	946
5.	Kursus Kolaborasi	33	756
6.	Kursus Pembangunan Tenaga Pengajar	4	104
Jumlah		**141**	**3,665**

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 3,665 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian/jabatan dan agensi kerajaan. Daripada jumlah ini, 2,898 peserta atau 80 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 767 peserta atau 20 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.




Aktiviti-Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Di IPN

Pembangunan Profesional

Bagi memperkemas perkhidmatan serta meningkatkan tahap akauntabiliti perakaunan sektor awam, JANM meneruskan Program Keahlian Dalam Badan Profesional Perakaunan di bawah kendalian Pusat Pembangunan Profesional Institut Perakaunan Negara (IPNCPD). Untuk tahun 2019, program dengan kerjasama empat (4) badan profesional perakaunan diteruskan iaitu The Association of Certified Chartered Accountants (ACCA), The Certified Practising Accountants Australia (CPA Australia), The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

Seramai 495 orang Akauntan telah dilatih menerusi program ini sejak diperkenalkan pada tahun 2012 dan telah berjaya membantu 144 orang Akauntan lulus penuh dan layak dipertimbangkan bagi mendapat keahlian penuh dalam badan profesional. Pada tahun 2019, seramai 67 orang telah lulus penuh berbanding 29 orang pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 131 peratus.

Carta 15 : Bilangan Calon Lulus Penuh Mengikut Tahun



IPN *Leadership Series*

Selain itu, IPNCPD telah mengadakan program IPN *Leadership Series* sepanjang tahun 2019 bagi mendedahkan Akauntan dan warga JANM kepada isu dan topik-topik semasa yang relevan dengan bidang perakaunan dan kewangan. Program ini merupakan inisiatif IPNCPD bagi penjenamaan semula program *Executive Talk* IPN. Program ini diadakan secara kolaborasi dengan rakan strategik JANM di IPNCPD Cyberjaya. Mulai Siri 5 tahun 2019 juga, IPNCPD telah memperluas capaian program dengan menjemput kakitangan sektor awam selain akauntan bagi memperkenalkan lagi IPN sebagai hab latihan perakaunan dan kewangan sektor awam. Sebanyak tujuh (7) siri program telah diadakan melibatkan penyertaan 360 orang termasuk Akauntan Sektor Awam.

Jadual 38 : Senarai Aktiviti IPN *Leadership Series* Tahun 2019

Siri	Topik	Tarikh	Penceramah	Kolaborasi
1.	*Future of Finance*	18 Feb 2019	Dr. Noel Tagoe *Executive Vice President*, AICPA (CIMA)	AICPA (CIMA)
2.	*Business and Economy Outlook*	28 Mac 2019	Sharath Martin *Regional Policy Consultant*, ACCA	ACCA

Siri	Topik	Tarikh	Penceramah	Kolaborasi
3.	*Future of Finance: Management Accounting*	4 Sep 2019	Andrew Harding *Chief Executive*, AICPA (CIMA)	AICPA (CIMA)
4.	*Data Analytics and Audit*	25 Sep 2019	Ric de Santi *Deputy Auditor General* Tasmanian Audit Office	CPA Australia
5.	*Blockchain Technology for Accounting, Auditing and the Public Sector*	21 Okt 2019	Dr. Gary Pflugrath *Executive General Manager* CPA Australia	CPA Australia
6.	*Financial Reporting From an Islamic Perspective*	6 Nov 2019	Prof. Dr. Zulkarnain Muhamad Sori *Deputy Director*, BNP-Paribas-INCEIF Centre for Islamic Asset and Wealth Management	
7.	*Beyond Professionalism (Data & Analytics For Finance and Accounting Professionals and Managing C-Suite Communication Skill)*	2 – 3 Dis 2019	Jack Lee Dolly Ke	MICPA

Lawatan Penandaarasan Ke United Kingdom

Lawatan Penandaarasan ini telah diadakan pada 11 hingga 15 November 2019 ke institusi pengajian serta badan profesional perakaunan di United Kingdom dan Ireland. Ianya bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan input bagi menambah baik peranan IPN dalam menyediakan latihan kewangan dan perakaunan sektor awam serta meningkatkan jaringan usaha sama strategik yang dibina antara IPN dan badan profesional perakaunan dalam program-program yang dijalankan oleh IPN. Lawatan ini diketuai oleh YBrs. Encik Burhanudin bin Mohd Noor, Pengarah IPN berserta YBrs. Dr. D.Joyce Christina Dharmaraj (Timbalan Pengarah IPNCPD) dan Puan Nurul Husna binti Assanah (Ketua Program Pembangunan Profesional).

Skop perbincangan adalah bagi pembangunan profesional berterusan, pembelajaran program profesional akauntan dan kumpulan sokongan, penyelidikan dan penerbitan perakaunan dan kewangan serta pembangunan pembelajaran dalam talian. Perkongsian turut diadakan berkaitan hala tuju, kerangka kerja kompetensi dan proses pembangunan silibus dan modul latihan. Institusi yang telah dilawati adalah Dublin Business School, CIMA, HM Treasury, Kaplan Financial, ACCA dan BPP Professional.





Aktiviti Lawatan Penandaarasan Di United Kingdom

Pembangunan Penyelidikan

IPN telah berjaya meneruskan agenda penyelidikan dalam membangunkan kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf fasa terakhir melalui Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia Fasa Keempat pada tahun 2019. Aktiviti ini melibatkan kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Perasmian Kolokium Oleh YBrs. Dr. Yacob Bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Penyelidikan Fasa Keempat meliputi sembilan (9) aspek piawaian asas iaitu Penyata Kewangan Berasingan, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan, Pendedahan Pihak Berkaitan, Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan, Persembahan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama, Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain. Dapatan penyelidikan ini dijangka dapat menyumbang kepada kejayaan pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf di Malaysia.

Pada tahun 2019, IPN buat pertama kali telah berjaya menganjurkan Kolokium Penyelidikan pada 6 Ogos 2019 bertempat di IPNCPD, Cyberjaya dan disiarkan secara *live streaming* kepada warga JANM. Kolokium ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan mendapat sambutan penyertaan hampir 100 orang terdiri daripada Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Kementerian, ahli akademik serta akauntan bahagian dan kementerian. Pembentang Kolokium Penyelidikan 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 39 : Senarai Pembentangan Kolokium Penyelidikan Tahun 2019

Bil.	Tajuk Pembentangan	Pembentang
1.	Ringkasan Dapatan Kajian Memperkasakan Akauntabiliti Kerajaan Persekutuan Malaysia Melalui Pelaporan Dan Perundangan	Dr. Murni Subroto Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, JANM
2.	*Sustainability In Islamic Perspective And The Differences Between Modern Concept Of Sustainability*	Encik Saleh Hashim Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, JANM
3.	*Financial And Governance. Dilemma At Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad : An Analysis*	Puan Siti Noorbani Hussain Kementerian Pembangunan Usahawan
4.	*Procurement Fraud: The Effect Of Internal Control, Political Power Influences And Ethical Concerns Among Malaysian Public Sector Officers*	Puan Hanim Abdul Rahim Kementerian Pembangunan Luar Bandar
5.	Cabaran Perakaunan Awan Sebagai Sistem Maklumat Perakaunan (SMP) : Kajian Kes Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Puan Naharriah Mohamed Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM
6.	*The Importance Of Corporate Governance And Accounting Disclosure Towards Zakat Payers' Trust*	Puan Fadliana Saman Bahagian Khidmat Perunding, JANM
7.	*Transparency Disclosure On The Unrestricted Investment Account In Islamic Financial Institutions*	Encik Naharudin Saadan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
8.	*Factors Influencing The Accrual Accounting Implementation In Malaysian Federal Government*	Puan Norlailawati Saiban Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, JANM

IPN *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* (IPN *Journal*)

Sebagai usaha mempromosi IPN *Journal* ke peringkat antarabangsa dan penghasilan jurnal berimpak tinggi, IPN telah melaksanakan inisiatif menaik taraf dan memperluas capaian IPN *Journal* melalui pengukuhan Sidang Editor dengan penglibatan ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi dan lawatan penandaarasan penerbitan jurnal. Salah satu inisiatif baru adalah dengan mewujudkan laman web khusus yang membolehkan capaian *online* bagi semua hasil penerbitan IPN *Journal*. Sidang Editor mempunyai seramai lapan (8) orang ahli yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa dan Ketua Editor adalah YBrs. Dr. D. Joyce Christina Dharmaraj, Timbalan Pengarah IPNCPD.



LAPORAN AKTIVITI
PENGURUSAN OPERASI



BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI
BPOPA

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dan seterusnya dibentangkan di Parlimen Malaysia. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab ke atas pengurusan wang tunai, akaun amanah dan deposit, panjar, pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan serta transaksi yang melibatkan Kerajaan Negeri.

Sesi Tandatangan Dan Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2018

Sesi tandatangan PKKP 2018 oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia telah diadakan pada 9 April 2019 bertempat di Pejabat Akauntan Negara Malaysia. Sesi tersebut telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian JANM dan Akauntan BPOPA.

Manakala sesi tandatangan PKKP 2018 oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) yang disaksikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia dan pegawai dari JANM telah diadakan pada 9 April 2019 di Pejabat Tan Sri KSP.



Sesi Tandatangan PKKP 2018 Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia



Sesi Tandatangan PKKP 2018 Oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan



Sesi Penyerahan PKKP 2018 Oleh Akauntan Negara Malaysia Kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2018 Di Parlimen Malaysia

Belanjawan 2020 telah dibentangkan oleh YB. Tuan Lim Guan Eng selaku Menteri Kewangan Malaysia pada 11 Oktober 2019 bersekali dengan pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018. Edaran Buku Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 di dalam Dewan Rakyat telah diadakan pada 10 Oktober 2019 disertai oleh 18 orang pegawai BPOPA, JANM.



Sesi Penyerahan Buku PKKP 2018 Oleh Timbalan Pengarah SPPP, BPOPA Kepada Setiausaha Dewan Rakyat

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).*

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Persekutuan telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
3 Oktober 2019

Ketua Audit Negara Telah Mengeluarkan Sijil Audit Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Majlis Pelancaran Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2018

Majlis Pelancaran PKKP 2018 telah diadakan pada 13 November 2019 bertempat di Grand Ballroom, Hotel Zenith, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah Bahagian JANM, Ketua Akauntan Kementerian, wakil Ketua Audit Negara serta pegawai JANM.

Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri

BPOPA telah mengadakan Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri bagi tahun 2019 yang bersidang sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh YBrs. ANM. Mesyuarat tersebut diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar dan operasi di Pejabat Perbendaharaan Negeri agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah seragam dan terkini. Mesyuarat ini turut membincangkan isu-isu berkaitan keperluan dan pelaksanaan perakaunan akruan termasuk isu-isu berkaitan sistem iSPEKS.

Selain itu, mesyuarat tersebut juga bertujuan bagi menyediakan satu medan berforum secara dua hala bagi Bendahari/Akauntan Negeri menyuarakan pendapat, cadangan dan juga masalah yang dihadapi di peringkat masing-masing di samping membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tahun kewangan 2018.



Sesi Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri Bil. 1/2019

Mesyuarat pertama telah diadakan di Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 3 hingga 5 April 2019, manakala mesyuarat kedua telah diadakan di HIG Hotel Langkawi, Kedah pada 22 hingga 24 Ogos 2019. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil dari BKP dan PPPA.

Lawatan Kerja Panjar Tiga Perduabelas Di Kedutaan Besar Malaysia Madrid (Sepanyol), Rome (Itali) Dan Holy See (Vatican City)

Pada 10 hingga 18 Julai 2019, BPOPA telah mengadakan Lawatan Kerja Panjar Tiga Perduabelas ke Kedutaan Besar Malaysia (KBM) Madrid (Sepanyol), Rome (Italy) dan Holy See (Vatican City). Tujuan lawatan kerja dijalankan adalah untuk menyemak penggunaan Panjar Tiga Perduabelas sebagai salah satu kemudahan pembayaran bagi urusan Kerajaan di luar negeri. Penggunaan panjar tersebut dihadkan kepada transaksi bayaran yang benar-benar perlu sahaja selaras dengan pelaksanaan iSPLN.

Lawatan kerja pada kali ini turut memberi penekanan secara khusus terhadap penggunaan *Telegraphic Transfer* (TT) sebagai kaedah pembayaran utama dalam urusan Kerajaan di mana ia dapat memberikan impak positif terhadap inisiatif untuk meminimumkan wang Kerajaan di luar negara dan seterusnya, bertepatan dengan amalan pengurusan wang tunai yang baik.

Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Pengarah BPOPA iaitu YBhg. Dato' Haji Ramli bin Chik dan dua (2) orang pegawai dari Unit Pengurusan Akaun Panjar dan Bank (UPPB), Seksyen Pengurusan Dana dan Pelaburan iaitu Puan Norzairin binti Nordin (Ketua Penolong Pengarah Kanan) dan Puan Rosmaria binti Mamat (Penolong Akauntan Kanan).

Sepanjang tempoh lawatan berlangsung, pegawai di ketiga-tiga KBM telah memberikan kerjasama yang amat baik dan kedua-dua pihak saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman demi kemajuan perkhidmatan awam amnya dan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan Kerajaan Malaysia di luar negeri khususnya. Pegawai BPOPA juga telah diberi peluang untuk membuat kunjungan hormat ke atas TYT Dato' Abdul Malek Melvin Castelino, Duta Besar Malaysia ke Itali dan TYT Westmoreland Edward Palon, Duta Besar Malaysia ke Holy See.



Pengarah Dan Pegawai BPOPA Mengadakan Kunjungan Hormat Ke Atas Duta Besar Malaysia Ke Itali

Mesyuarat Pemantapan Strategi Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA) Tahun 2019/2020

Pada 22 hingga 24 November 2019, BPOPA telah mengadakan Mesyuarat Pemantapan Strategi BPOPA 2019/2020 yang bertempat di Hatten Place Melaka. Mesyuarat ini diadakan setiap tahun bagi membincangkan dengan lebih terperinci mengenai pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seterusnya bagi menyediakan perancangan kerja tahunan dan membuat semakan semula pencapaian tahun penilaian. Penetapan sasaran KPI dan SKT bagi tahun 2020 perlu mempertimbangkan keupayaan setiap seksyen daripada segi sumber sedia ada seperti bilangan pegawai dengan pengetahuan dan pengalaman yang relevan, peruntukan, masa dan peralatan.

JANM telah melancarkan Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) 2019 - 2023 bagi memastikan visi dan misi JANM dapat dicapai dalam tempoh empat (4) tahun akan datang. BPOPA telah diberikan peranan dalam program dan projek tertentu sebagai *Program Coordinator*, *Project Lead Owner* dan juga *Project Co-owner*. Perancangan pelan strategik dan juga keperluan penyediaan peruntukan amat signifikan dalam memastikan setiap program dan projek dalam pelan strategik ini tercapai seperti dirancang.

Mesyuarat ini diketuai oleh Pengarah BPOPA iaitu Puan Salmiah binti Ramli dan semua pegawai BPOPA dari Gred 41 dan ke atas. Hasil daripada mesyuarat ini, BPOPA telah mencapai objektif dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.



Mesyuarat Pemantapan Strategi Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA) Tahun 2019/2020

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN
BPOPP

Pelaksanaan *Digital Workspace* BSP JANM 2019 – 2023

Program *Digital Workspace* adalah satu perkara baharu untuk dilaksanakan di JANM. Oleh yang demikian, sebagai koordinator program, BPOPP telah menjalankan tanggungjawab dengan mengadakan beberapa siri pengenalan *Digital Workspace* kepada semua ahli pasukan *Digital Workspace* JANM yang terdiri daripada wakil BPPP, BPTM, IPN dan JANM Negeri Selangor. Sesi *Technology Update* (TU) bagi pengenalan kepada *Digital Workspace* telah diadakan pada 11 Julai 2019 di Ibu Pejabat JANM Putrajaya. Sesi TU ini disampaikan oleh syarikat yang telah melaksanakan *Digital Workspace* di premis masing-masing iaitu Syarikat IBM, VMWare dan Microsoft.



Sesi *Technology Update* (TU) *Digital Workspace* Oleh Syarikat IBM, VMWare Dan Microsoft



Pada era digital ini selain daripada teori yang perlu diketahui, ahli pasukan *Digital Workspace* JANM juga perlu melalui pengalaman sendiri untuk melihat pelaksanaan di agensi yang telah melaksanakan ruang kerja digital ini. Keperluan teknologi dan pengurusan maklumat yang semakin berkembang pesat pada masa kini telah banyak menyokong kepada proses kerja secara digital. Sebagai salah sebuah agensi yang sedang merancang untuk menuju kepada pelaksanaan *Digital Workspace* pada tahun 2021, BPOPP telah mengaturkan beberapa sesi lawatan ke agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Peguam Negara, Microsoft Malaysia dan Airasia.

Pada sesi lawatan ke Jabatan Peguam Negara pada 8 Julai 2019, didapati pembangunan platform *Portal Chamber Virtual Office* (CVO) sangat membantu dalam meningkatkan prestasi pekerja dalam melaksanakan tugasan harian di mana-mana jua dan disokong dengan ruang kerja digital yang minimal dan elegan dengan imej korporat. Ruang kerja yang teratur dan kemas juga melambangkan ciri-ciri *open office* yang dilaksanakan sejak 2012.



Lawatan Penanda Aras Ke Jabatan Peguam Negara



Sesi lawatan ke Microsoft Malaysia pada 10 September 2019 mendapati syarikat gergasi ini telah bergerak ke arah digital dengan menerapkan unsur-unsur ruang kerja digital di samping pelaksanaan platform bagi memudahkan pekerja untuk mencapai maklumat yang diperlukan di mana-mana, pada bila-bila masa dan capaian di mana-mana peranti.



Sesi Lawatan Ke Syarikat Microsoft

Seterusnya, aktiviti yang dijalankan bagi penyediaan *blueprint Digital Workspace* ini diteruskan lagi dengan sesi bengkel penyediaan kerangka *blueprint Digital Workspace* yang dihadiri oleh *co-owner* daripada BPTM, IPN, BPPP dan JANM Negeri Selangor. Kerangka yang digunakan di dalam sesi ini menggunakan *template* daripada Razak School of Government (RSOG).



Sesi Bengkel Penyediaan Kerangka *Blueprint Digital Workspace*

Sesi pengenalan kepada *Digital Workspace* 2019 diteruskan lagi dengan sesi taklimat daripada Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia pada 11 November 2019. Sesi taklimat dan perkongsian maklumat berkenaan *Digital Workspace* ini diadakan bagi menerapkan pemahaman yang lebih jelas kepada ahli pasukan projek *Digital Workspace* agar aktiviti dan program yang dirancangkan akan berjaya dilaksanakan.



Sesi Taklimat *Digital Workspace* Bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA)

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan Ketua Akauntan (MPKA) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2019.

Jadual 40 : Senarai MPKA Yang Diadakan Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	MPKA Bil. 1 Tahun 2019	20 – 22 Mac 2019	Hotel Four Point, Sandakan, Sabah
2.	MPKA Bil. 2 Tahun 2019	29 – 31 Jul 2019	PICC, Putrajaya
3.	MPKA Bil. 3 Tahun 2019	27 – 29 Nov 2019	Nilai Springs Hotel & Resort

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Bahagian Akaun Kementerian dan Pengarah JANM Negeri dan Cawangan serta Ketua Naziran. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjaya membincangkan dan menyelesaikan permasalahan di Pejabat Perakaunan berkaitan isu-isu operasi dan dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini.



Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA)



Taklimat Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2019

Taklimat Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2019 telah diadakan pada 20 November 2019. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada semua Pejabat Perakaunan berkenaan aktiviti proses penutupan akhir tahun. BPOPP mengadakan taklimat pada kali ini lebih awal tanpa menunggu surat tarikh akhir bayaran daripada Kementerian Kewangan bagi mengelakkan kesuntukan masa oleh Pejabat Perakaunan dalam menyampaikan taklimat kepada PTJ kelak.

Taklimat ini merangkumi beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Pejabat Perakaunan, semua aspek adalah berkaitan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2019 antaranya seperti Pengurusan Pesanan Kerajaan, Arahan Pembayaran dan Pukal, Pengurusan Panjar, Pengurusan Gaji, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Aset dan Pengurusan Deposit. Semua perkara berikut telah disampaikan oleh ketua modul dan pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Mesyuarat Bersama Agensi Pukal Bilangan 1 Tahun 2019

Mesyuarat Bersama Agensi Pukal Bilangan 1 Tahun 2019 telah diadakan di Air Asia Berhad Red Q, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 2) pada 20 Ogos 2019. Mesyuarat ini diadakan bagi tujuan memastikan operasi pembayaran pukal dilaksanakan dengan teratur dan isu-isu berkaitan dengan bayaran pukal tidak berlarutan hingga ke akhir tahun. BPOPP telah menjemput 29 Agensi Pukal bagi menghadiri mesyuarat ini.

Pemasangan RFID Secara Percuma Kepada Pegawai JANM

BPOPP telah mengadakan program bersama Agensi Pukal Touch n' Go iaitu pemasangan RFID secara percuma kepada pegawai JANM pada 30 April 2019 bertempat di Lobi Utama, JANM. Seramai 150 orang telah mendaftar dan membuat pemasangan RFID.

Mesyuarat Ketua Naziran Pejabat Perakaunan (MKN)

BPOPP telah mengadakan Mesyuarat Ketua Naziran Pejabat Perakaunan (MKN) seperti Jadual 41 berikut:

Jadual 41 : Mesyuarat Ketua Naziran

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	MKN Bil. 1/2019	19 – 21 Mac 2019	Hotel Four Point, Sandakan, Sabah
2.	MKN Bil. 2/2019	19 Nov 2019	Kementerian Kewangan

Kehadiran Ketua Naziran Bahagian Akaun Kementerian (BA Kementerian) dan JANM Negeri/ Cawangan (JNC) adalah seramai 60 orang termasuk pembentang dan urus setia. MKN Bil. 1/2019 dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Pengarah BPOPP di Sandakan dan MKN Bil. 2/2019 dipengerusikan oleh Puan Gloria Angela James Noah di Kementerian Kewangan.

Objektif mesyuarat adalah:

1. Pembentangan program naziran pejabat perakaunan kepada Ketua Naziran.

2. Membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di JNC dan BA Kementerian berkaitan isu-isu operasi dan isu-isu dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini.

3. Mewujudkan hubungan sesama Ketua Naziran dari 49 Pejabat Perakaunan supaya dapat saling membantu jika timbul permasalahan semasa menjalankan naziran di PTJ juga semasa penyediaan Laporan Naziran.

Program Inspektorat Ke JANM Negeri/Cawangan

Program Inspektorat merupakan program tahunan dan juga merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) BPOPP. Program Inspektorat telah dilaksanakan seperti berikut:

Jadual 42 : Program Inspektorat

JANM Negeri/Cawangan	Tarikh	Prestasi
JANM Sri Aman	16 – 18 Jan 2019	Baik
JANM Sandakan	19 – 22 Feb 2019	Baik
JANM Miri	27 Feb – 1 Mac 2019	Baik
JANM Tawau	3 – 5 Apr 2019	Cemerlang
JANM Kelantan	15 – 18 Apr 2019	Baik
JANM Bintulu	12 – 14 Jun 2019	Cemerlang
JANM Sarikei	17 – 19 Jun 2019	Cemerlang
JANM Kedah	8 – 10 Jul 2019	Cemerlang
JANM Johor	15 – 17 Jul 2019	Baik
JANM Labuan	24 – 26 Jul 2019	Cemerlang
JANM Pulau Pinang	5 – 7 Ogos 2019	Baik
JANM Melaka	25 – 27 Sep 2019	Baik

Objektif Program Inspektorat adalah seperti berikut:

1. Persediaan awal menghadapi pengauditan Indeks Akauntabiliti dan Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan.

2. Memantau semua prosedur pengurusan pentadbiran, kewangan dan perakaunan JNC.

3. Memantau tahap kawalan dalaman JNC yang dilaksanakan dan memastikan kelemahan yang berlaku dalam pengurusan pejabat tidak berulang dan diperbetulkan.


Inspektorat Di JANM Sri Aman



Inspektorat Di JANM Sandakan


Inspektorat Di JANM Sarikei



Inspektorat Di JANM Bintulu


Inspektorat Di JANM Kelantan


Inspektorat Di JANM Kedah

Kursus ACL 101 Dan ACL 301

BPOPP bersama IPN telah mengadakan kursus bagi melatih tenaga pengajar dan mendapatkan akreditasi sijil bertauliah.

Objektif kursus ini adalah untuk:

1. Mengwujudkan tenaga pengajar IPN.
2. Mendapat akreditasi bersijil bertauliah.



Kursus ACL 301 Di IPN Sabak Bernam

Jadual 43 : *Lab Hands-on* ACL AX

Kursus	Tarikh	Lokasi	Kehadiran
ACL 101	14 – 16 Okt 2019	IPN Sabak Bernam	10 orang dari Ibu Pejabat dan BA Kementerian
ACL 301	17 – 19 Okt 2019	IPN Sabak Bernam	10 orang dari Ibu Pejabat dan BA Kementerian

BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT
BWTD

Program Pemeriksaan Di Bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965

Bilangan Pemeriksaan di bawah Akta WTD 1965 merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) Akauntan Negara Malaysia selaku Pendaftar WTD di Malaysia dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 220 syarikat/firma telah diperiksa oleh Unit Penguatkuasaan BWTD dan ia meningkat sebanyak 12% berbanding 196 syarikat/firma pada tahun 2018.

Selain itu, KPI baharu di bawah Program Pemeriksaan ini ialah memastikan 90% kes pemeriksaan diselesaikan. Sehingga 31 Disember 2019, Unit Penguatkuasaan BWTD telah berjaya menyelesaikan 96% kes pemeriksaan.

Program Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut 1965

Bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran syarikat/firma dan orang awam mengenai Akta WTD 1965, Unit Penguatkuasaan telah melaksanakan sebanyak 31 kali taklimat pada tahun ini iaitu:

1. Sebelas Taklimat Kesedaran WTD kepada wakil syarikat/firma di Pejabat BWTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur termasuk dua (2) kali diadakan secara sidang video *(video conference)* yang disertai oleh Pejabat Penolong Pendaftar seluruh negara.

2. Dua (2) Taklimat Kesedaran WTD kepada ahli MIA di Pejabat BWTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur dengan kerjasama MIA.

3. Tiga (3) Taklimat Kesedaran WTD kepada calon yang memohon lesen juruaudit dalam *Public Practice Programme* 2019 anjuran MIA bertempat di Connexion Conference & Event Centre @ The Vertical, Bangsar South, Kuala Lumpur.



4. Satu (1) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut kepada Akauntan lantikan baru di IPN Sabak Bernam anjuran BPPP, JANM.

5. Tiga (3) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut kepada agensi iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

6. Sebelas Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut pada hari terbuka dan hari bertemu pelanggan anjuran jabatan dan agensi seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya *Open Day* dan Putrajaya LIFT *Festival*.

Di samping meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap pengurusan WTD, program ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kepatuhan syarikat/firma terhadap Akta WTD 1965 dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menyerahkan WTD setiap tahun.



Sekitar Taklimat Pemahaman Akta WTD 1965

Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Bagi memantapkan lagi kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 iaitu:



Sekitar Bengkel Kaedah-kaedah Seni Kepeguaman Dan Prosedur Mahkamah

Jadual 44 : Bengkel Dan Kursus Yang Dijalankan Pada Tahun 2019

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Kursus Pemantapan Kertas Siasatan Bagi Peningkatan Kompetensi Pegawai Siasatan Dan Pegawai Pemeriksa Wang Tak Dituntut (WTD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia	28 – 30 Jan 2019
2.	Bengkel Kaedah-kaedah Seni Kepeguaman dan Prosedur Mahkamah Bagi Pegawai Siasatan Dan Pegawai Pemeriksa Wang Tak Dituntut (WTD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia	29 – 31 Okt 2019
3.	Mesyuarat Pemantapan *Standard Operating Procedure* (SOP) Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965	11 – 13 Nov 2019





Sekitar Mesyuarat Pemantapan *Standard Operating Procedure* (SOP) Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965

Mesyuarat Penolong Pendaftar

Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) WTD telah diadakan dua (2) kali dan dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia selaku Pendaftar WTD. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi) selaku Timbalan Pendaftar WTD, Pengarah BPOPP, Pengarah BWTD, Penolong Pendaftar JANM Negeri dan wakil JANM Negeri serta pegawai BWTD yang berkaitan. Mesyuarat ini membincangkan berkaitan isu dasar serta operasi penguatkuasaan WTD bagi memastikan program penguatkuasaan berjalan lancar.

Jadual 45 : Senarai Mesyuarat Penolong Pendaftar

Bil.	Mesyuarat	Lokasi	Tarikh
1.	Mesyuarat Penolong Pendaftar dan Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bilangan 1/2019	Golden Bay Hotel, Bintulu	16 – 18 Jun 2019
2.	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Mesyuarat Penyelarasan Wang Tak Dituntut Bilangan 2/2019	Nilai Springs Resort Hotel, Negeri Sembilan	24 – 26 Nov 2019





Sesi Bersama Pendaftar WTD Di MPP Bil. 1 Tahun 2019





Sesi Bersama Pendaftar WTD Di MPP Bil. 2 Tahun 2019





Sesi Perkongsian Ilmu Bersama KPDNHEP

Jalinan Kerjasama Strategik

BWTD telah mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam usaha meningkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965. Usaha sama ini akan meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman syarikat dan firma serta tanggungjawab mereka terhadap wang tak dituntut.





Sesi Penguatkuasaan Bersama KPDNHEP





Sesi Levi Pelepasan Bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia





Sesi Perkongsian Maklumat Syarikat Bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri

Taklimat Prosedur Serahan WTD Kepada Syarikat/Firma

Bagi memantapkan pemahaman syarikat/firma terhadap prosedur serahan WTD, BWTD telah menganjurkan Taklimat Prosedur Serahan WTD kepada pegawai-pegawai dari pelbagai syarikat/firma pada 18 hingga 26 Februari 2019. Seramai 189 orang pegawai daripada 104 syarikat/firma telah menghadiri sesi taklimat tersebut.



Taklimat Prosedur Serahan WTD Kepada Syarikat/Firma

Kursus Pemantapan Prosedur Serahan WTD Kepada Pegawai Pemeriksa

Bagi memperkasa pemahaman pegawai pemeriksa terhadap prosedur serahan WTD, BWTD telah mengadakan Kursus Pemantapan Prosedur Serahan WTD kepada pegawai-pegawai pemeriksa BWTD pada 14 Februari 2019 dan 20 November 2019.




Kursus Pemantapan Prosedur Serahan WTD Kepada Pegawai Pemeriksa

Statistik Serahan Wang Tak Dituntut (WTD)

Pada tahun 2019, sebanyak 1,802 bilangan serahan dari pelbagai syarikat/firma telah diterima oleh BWTD dengan jumlah terimaan sebanyak RM860.32 juta, meningkat 8.19% berbanding serahan tahun 2018 iaitu berjumlah RM795.20 juta daripada 1,584 bilangan serahan. Peningkatan jumlah terimaan WTD dari tahun ke tahun merupakan hasil peningkatan kesedaran syarikat/firma terhadap peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965.


Carta 16 : Jumlah Terimaan WTD Dari Tahun 2017 Hingga 2019



Bayaran Permohonan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)

Sebanyak RM221 juta jumlah bayaran balik WTD telah diproses bagi permohonan yang diterima pada tahun 2019. Ia merangkumi jumlah bayaran bagi akaun amanah sebanyak RM215 juta dan akaun bayaran balik hasil (Vot T12) sebanyak RM5.9 juta. Carta 17 menunjukkan jumlah bayaran balik WTD bagi tahun 2017 hingga 2019. Peningkatan jumlah bayaran balik WTD dari tahun 2017 hingga 2019 adalah kerana peningkatan kesedaran orang awam terhadap Wang Tak Dituntut.

Carta 17 : Jumlah Bayaran Balik Wang Tak Dituntut Bagi Tahun 2017 Hingga 2019



Booth Pameran BWTD

Bagi tujuan memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kewujudan WTD, kaunter *booth* WTD telah dibuka dalam beberapa program di pelbagai Kementerian/Jabatan dan program bersama Pusat Transformasi Komuniti Mudah Alih (*Mobile* CTC) anjuran Kementerian Kewangan sepanjang tahun 2019.



Kaunter *Booth* WTD Sempena Perhimpunan Bulanan Di MAMPU, JPM



Kaunter *Booth* WTD Di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat



Kaunter *Booth* WTD Di Kementerian Belia Dan Sukan



Kaunter *Booth* WTD Di Jabatan Kehakiman Syariah



Kaunter *Booth* WTD Di Program *Mobile* CTC IFTAR @ Kuala Lumpur



Kaunter *Booth* WTD Di Program Putrajaya LIFT

BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN
BA MOF

Lawatan Kerja Pasukan Perakaunan Pengurusan Ke Sekretariat Lembaga Perbendaharaan Kerajaan Kanada



Pada 18 hingga 22 November 2019, Lawatan Kerja Pasukan Perakaunan Pengurusan ke Sekretariat Lembaga Perbendaharaan Kerajaan Kanada telah dilaksanakan. Antara lokasi yang dilawati adalah The Treasury Board of Canada Secretariat, Elgin Street, Ottawa dan Government of Ontario's Treasury Board Secretariat, Queen Park, Toronto. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mempelajari pendekatan dan mekanisme (meliputi teknik, alat, garis panduan, pelaporan, sistem dan program latihan) yang digunakan oleh Sekretariat Lembaga Perbendaharaan Kerajaan Kanada semasa melaksanakan analisis penyata kewangan, pengekosan, analisis sumber, penilaian prestasi dan analisis risiko untuk menilai kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Pengajaran utama yang telah diperolehi adalah mempelajari pendekatan Pengurusan Kewangan Awam oleh Kerajaan Kanada yang mentakrifkan prinsip utama *modern comptrollership* dalam fungsi Pengurusan Kewangan adalah dengan menggalakkan inovasi dan menjana hasil dengan mengimbangi kawalan dan fleksibiliti. Inisiatif yang telah dibuat merangkumi nilai untuk wang, akauntabiliti dan ketelusan. Pemodenan *comptrollership* menekankan maklumat prestasi kewangan dan bukan kewangan yang terintegrasi, pengawasan sumber yang kukuh, pengurusan risiko yang mantap dan keterbukaan laporan.





Lawatan Kerja Pasukan Perakaunan Pengurusan Ke Sekretariat Lembaga Perbendaharaan Kerajaan Kanada

Lawatan Kerja Perakaunan Pengurusan (MA) Ke United Kingdom

Lawatan Kerja Perakaunan Pengurusan (MA) ke United Kingdom telah diadakan pada 9 hingga 13 Julai 2019 dan diketuai oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa. Lawatan ini diadakan ke HM Treasury, United Kingdom untuk mengenal pasti mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan United Kingdom (Kerajaan UK) dalam menyedia, menganalisis dan menyampaikan maklumat perakaunan dalam pengurusan kewangan kerajaan. Selain itu, satu sesi perkongsian ilmu bersama konsultan dan pakar dalam bidang pengurusan kewangan awam telah dianjurkan oleh Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA Malaysia) dan Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (CIPFA) London dengan pengkhususan kepada perkongsian pengalaman kerajaan United Kingdom melaksanakan perakaunan akruan amnya dan perakaunan pengurusan khususnya.



Lawatan Kerja Perakaunan Pengurusan (MA) Ke United Kingdom

Lawatan kerja ini telah memberikan horizon baru kepada peserta akan tatacara pelaksanaan polisi dalam kerajaan melalui pengenalan kepada garis panduan yang terperinci tanpa mengikat kementerian/jabatan untuk pelaksanaannya serta kaedah pelaporan pencapaian kepada Agensi Pusat melalui medium atas talian dengan kepercayaan sepenuhnya kepada penyedia maklumat. Secara keseluruhannya, kedua-dua sesi perkongsian ilmu ini telah membantu pasukan pengurus projek perakaunan pengurusan Malaysia untuk menentukan hala tuju dan merencana pelaksanaan perakaunan pengurusan di Malaysia.

Program Putrajaya *Open Day* (POD) 2019

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Program Putrajaya *Open Day* (POD) 2019 pada 5 Oktober 2019 bertempat di Kementerian Kewangan Putrajaya yang bertemakan 'Sehari Bersama Rakyat' yang menyediakan 1001 perkhidmatan kepada seluruh pengunjung yang hadir pada hari tersebut. Salah satu daripada objektif penganjuran POD 2019 ini adalah untuk rakyat dapat berhubung terus dengan kementerian/agensi kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Lanjutan daripada itu, Bahagian Akaun Kementerian Kewangan juga turut terlibat dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan pembukaan kaunter wang tak dituntut pada hari tersebut.



Kaunter Wang Tak Dituntut

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 1/2019

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 1/2019 pada 13 Jun 2019 bertempat di Kementerian Kewangan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir.





Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 1/2019

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2019

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2019 pada 16 Disember 2019 di Kementerian Kewangan dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Othman bin Semail.





Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bil. 2/2019

Mesyuarat Isu-isu Operasi iGFMAS PTJ BA MOF Bil. 1/2019

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Isu-isu Operasi PTJ pada 14 Februari 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, BPTM. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 55 orang pegawai PTJ yang terlibat dengan tugas-tugas kewangan.

BA MOF telah membentangkan secara terperinci berhubung sistem iGFMAS dan isu-isu yang terlibat di PTJ. Isu-isu yang dibincangkan termasuk operasi bayaran, dana dan terimaan, gaji dan isu pelaporan dan akaun amanah. Pihak PTJ juga berpeluang membangkitkan masalah-masalah yang mereka hadapi sepanjang menggunakan sistem iGFMAS ini. Seksyen Perakaunan Pengurusan (SPP) juga mengambil peluang membuat pembentangan berkaitan MyCost utk tujuan makluman awal kepada PTJ. BA MOF telah mengambil tindakan ke atas semua aduan dari PTJ.



Mesyuarat Operasi Bersama PTJ Di Bilik Mesyuarat BPTM, JANM

Taklimat Pukal Malindo Bersama PTJ (BA Kementerian)

BA MOF dengan kerjasama MALINDO telah berjaya mengadakan Taklimat Pukal pada 18 Februari 2019. Taklimat ini sebagai salah satu platform bagi pihak MALINDO untuk menyalurkan maklumat berkaitan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA), kemudahan naik taraf dan produk-produk baharu MALINDO kepada semua pengguna waran udara. BA MOF telah menjemput PTJ di bawah seliaan BA MOF serta 11 Bahagian Akaun Kementerian yang lain (dan PTJ di bawah seliaannya). Seramai 166 peserta telah hadir ke taklimat tersebut.





Taklimat Pukal Malindo Di Dewan Serbaguna, JANM

Taklimat Penutupan Akaun Akhir Tahun 2019

Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2019 kepada semua PTJ di bawah seliaan BA MOF telah diadakan pada 27 November 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Taklimat ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan tarikh-tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi tahun kewangan 2019. Ia juga sebagai satu platform untuk PTJ-PTJ mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci berhubung isu-isu kewangan semasa. Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2019 dapat dilaksanakan dengan lancar dan proses penutupan akhir tahun telah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan selaras dengan pekeliling/peraturan yang sedang berkuat kuasa.





Taklimat Penutupan Akaun 2019 Di Dewan Serbaguna, JANM

Mesyuarat Penstrukturan Semula Dan Pemantapan PTJ Kewangan Di Bawah Kementerian Kewangan Bil. 1/2019

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Penstrukturan Semula dan Pemantapan PTJ Kewangan di bawah Kementerian Kewangan Bil. 1/2019 pada 29 hingga 31 Oktober 2019 bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka. Ahli mesyuarat melibatkan wakil dari Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Harta (JPPH).



Mesyuarat Pemantapan PTJ Kewangan Di Bawah Kementerian Kewangan

Kursus-kursus Anjuran BA MOF Sepanjang Tahun 2019

BA MOF telah mengadakan kursus-kursus kewangan dan perakaunan kepada PTJ di bawah seliaan BA MOF seperti berikut:

Jadual 46 : Kursus-kursus Kewangan Dan Perakaunan Kepada PTJ Di Bawah Seliaan BA MOF

Bil.	Tajuk Latihan	Tarikh
1.	Kursus MPSAS – Aset	1 – 2 Apr 2019
2.	Kursus Pengurusan Emolumen	3 – 4 Jun 2019
3.	*Refresher* iGFMAS Modul MM dan AA	15 – 16 Jul 2019
4.	*Refresher* iGFMAS Modul AP dan AR	17 – 18 Jul 2019
5.	Kursus Pengurusan Perolehan	18 – 19 Sep 2019
6.	AA *Mass*	29 – 31 Okt 2019



Kursus MPSAS Aset Di MaGIC, Cyberjaya



Kursus *Refresher* iGFMAS Modul AP Dan AR Di Bilik Kontigensi, JANM





Kursus Gaji, Elaun Dan Kemudahan Awam Di IPN CPD, Cyberjaya



Kursus *Refresher* iGFMAS Modul MM Dan AA Di Bilik Kontigensi, JANM



Kursus Pengurusan Perolehan Di IPN CPD, Cyberjaya

PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN PPPA

Pengurusan Perubahan

Walkthrough iGFMAS Kepada Pengurusan Tertinggi JANM

Walkthrough iGFMAS ini telah diadakan pada 29 Mac 2019 di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM dengan tujuan untuk memberi pendedahan, meningkatkan pemahaman dan kemahiran kepada Pengurusan Tertinggi JANM mengenai pengendalian modul-modul iGFMAS. Aktiviti ini telah dihadiri oleh 26 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian JANM dan Jabatan Audit Negara.





Kursus *Refresher* Carta Akaun Asas Akruan Dan *Inter Entity* – Zon Lembah Klang

Program *Stakeholder Engagement* Bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan (MOD)

Program ini diadakan pada 4 Julai 2019 di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, MOD dan dihadiri oleh Ketua Setiausaha (KSU) MOD, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah PPPA, Pengarah BPTM dan wakil program pertahanan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan awal kepada kumpulan pelaksana hingga Pengurusan Tertinggi MOD berkenaan sistem perakaunan akruan terutamanya strategi serta status pelaksanaan, status migrasi data serta kesediaan sistem iGFMAS. Selain itu, MOD juga berkongsi perkembangan pelaksanaan perakaunan akruan dan juga sistem iGFMAS terutamanya melibatkan migrasi data.






Program *Stakeholder Engagement* Bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan (MOD)

Latihan *Train The Trainers* (TTT) Bagi Modul MyCost

Latihan ini bertujuan memberi pengetahuan, kemahiran dan kefahaman kepada peserta-peserta berkenaan tatacara pengendalian modul MyCost iGFMAS. Selain itu, ia juga sebagai persediaan kepada *Trainers* sebelum menjalankan latihan kepada pengguna Modul MyCost di PTJ. Maklumat ringkas penganjuran latihan adalah seperti berikut:



Latihan TTT MyCost Di JANM

Jadual 47 : Latihan TTT Bagi Modul MyCost

Program	Tarikh	Lokasi	Bil. Peserta
Train the trainers bagi Modul MyCost	4 – 20 Mac 2019	JANM Negeri/Cawangan	157
	18 – 22 Mac 2019	Makmal Komputer BA Jabatan Perdana Menteri	32
	25 – 29 Mac 2019	Makmal Komputer Kementerian Pengangkutan Malaysia	45
	25 – 29 Mac 2019	Makmal Komputer Kementerian Komunikasi dan Multimedia	30
	1 – 5 Apr 2019	Makmal Komputer Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	30

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Akauntan, Pengarah Bahagian dan pegawai yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa. Objektif mesyuarat adalah bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan, memantau kemajuan serta perkembangan pelaksanaan aktiviti perakaunan akruan di setiap Kementerian. Sepanjang tahun 2019, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak tiga (3) kali.



Pemantapan Pusat Tanggungjawab Kewangan Kementerian

Kajian model Pemantapan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kewangan telah dijalankan pada tahun 2019 bagi tujuan pengukuhan perjawatan perkhidmatan perakaunan di PTJ. Beberapa siri bengkel telah diadakan yang melibatkan PPPA, BPPP, Bahagian Strategik Korporat dan Komunikasi (BSKK) Kementerian Kewangan dan Kementerian terpilih.



Bengkel Pemantapan Pusat Tanggungjawab (PTJ)



Piawaian, Polisi Dan Undang-undang Serta Peraturan

Perbincangan Penyelarasan Input Untuk Sesi Libat Urus Pindaan Rang Undang-undang Berkaitan Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Perbincangan ini bertujuan untuk memberi penerangan terhadap cadangan pindaan kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan akta yang berkaitan bagi pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini bertujuan bagi persediaan pembentangan Memorandum di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 (2019). Perbincangan ini diadakan pada 20 September 2019 di Bilik Mesyuarat Utama, Perbendaharaan Malaysia. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan turut dihadiri Timbalan Menteri Kewangan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Timbalan KSP serta beberapa pegawai kanan Perbendaharaan Malaysia. Manakala wakil JANM diketuai oleh Akauntan Negara Malaysia, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Pengarah PPPA serta beberapa pegawai kanan JANM.



Sesi Perbincangan Penyelarasan Input Untuk Sesi Libat Urus Pindaan Rang Undang-undang Berkaitan Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Bengkel *Task Based Group* (TBG)

Kursus ini telah diadakan pada 30 Oktober hingga 1 November 2019 di Cherengin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik, Pahang dan dihadiri oleh 14 orang pegawai yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) dari pelbagai kementerian dan jabatan yang telah dilantik sebagai ahli TBG.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk membincangkan serta membangunkan polisi dan garis panduan terperinci mengenai tatacara perakaunan yang merangkumi aspek pengiktirafan, menyemak, mengkaji semula dan mencadangkan penambahbaikan (jika perlu) terhadap polisi dan garis panduan sedia ada yang berkaitan agar selaras dengan perkembangan semasa dan membuat kajian perbandingan bagi mendapatkan amalan terbaik perakaunan akruan sektor awam.



Bengkel *Task Based Group* (TBG)

Bengkel Penetapan Dasar Hapus Kira Akaun Belum Terima (ABT) Dengan Peruntukan Dan Tanpa Peruntukan

Bengkel ini diadakan pada 5 hingga 6 November 2019 di Hotel Movenpick, Sepang, Selangor dan dihadiri oleh 19 orang pegawai yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) dari pelbagai kementerian dan jabatan. Antara tujuannya adalah untuk mengenal pasti jenis hapus kira ABT dengan peruntukan dan tanpa peruntukan seterusnya menjadi platform untuk membangunkan kerangka dasar, tatacara permohonan dan kelulusan hapus kira ABT dengan peruntukan dan tanpa peruntukan yang tidak bercanggah dengan perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Mesyuarat Penetapan Dasar Hapus Kira Akaun Belum Terima (ABT) Dengan Peruntukan Dan Tanpa Peruntukan

Mesyuarat ini adalah kesinambungan daripada Bengkel Penetapan Dasar Hapus Kira Akaun Belum Terima Dengan Peruntukan Dan Tanpa Peruntukan. Mesyuarat ini diadakan pada 6 November 2019 di Hotel Movenpick, Sepang, Selangor dan dihadiri oleh 21 orang pegawai yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) dari pelbagai kementerian dan jabatan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi) iaitu YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan.

Perkongsian Ilmu Berkaitan Dengan Polisi Dan Kaedah Pengiraan Penjejasan Nilai (*Impairment*) Ke Atas Instrumen Kewangan LPPSA

Perkongsian ilmu ini bertujuan untuk mengetahui polisi dan kaedah pengiraan penjejasan nilai (*impairment*) instrumen kewangan yang telah dilaksanakan oleh LPPSA. Perkongsian ilmu yang diadakan pada 17 Disember 2019 di Bilik Mesyuarat Utama BPTM, JANM telah dihadiri oleh 35 orang pegawai yang terdiri daripada Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan dan ahli *Task Based Group* (TBG) Penjejasan Nilai dan Jaminan Kewangan. Perkongsian ilmu ini disampaikan oleh Encik Zawawi bin Mohd Muhiddin (Ketua Pegawai Kewangan).





Bengkel Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan Bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP)

Bengkel ini dianjurkan BKP, JANM dengan kerjasama PPPA dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan, pemahaman serta keupayaan BBP untuk menyediakan penyata kewangan disatukan yang melibatkan piawaian perakaunan yang berbeza seperti MPSAS, MPERS dan MFRS. Bengkel ini diadakan pada 5 hingga 6 Disember 2019 di Dewan Serbaguna, JANM dan dihadiri oleh 82 orang peserta terdiri daripada 23 Badan Berkanun Persekutuan.

Kualiti Akruan Dan Pentadbiran

Bengkel Memuktamadkan Draf Cadangan Arahan Perbendaharaan (AP)

Bengkel ini bertujuan untuk memastikan elemen akruan yang lain contohnya perakaunan aset dan penyediaan penyata kewangan dimasukkan di dalam pindaan AP supaya konsep akruan diterapkan sebagai punca kuasa di dalam AP. Bengkel ini telah diadakan pada 19 hingga 21 Jun 2019 di Hotel D'Wharf, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Proses Dan Teknologi

Proses Pengumpulan Dan Migrasi Data iGFMAS

A **Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti merangkumi Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Jalan Raya, Inventori, Akaun Belum Terima, Aset Ketenteraan, Pajakan Kewangan (Aset dan Liabiliti), Konsesi (Aset dan Liabiliti Pendapatan Tertunda). Pengumpulan data baki awal ini melibatkan 25 kementerian.

B **Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam (UAD) kementerian telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2019 iaitu bagi *data cut off* pada 30 Jun 2019 dan 31 Disember 2019 dengan tujuan untuk memastikan data baki awal yang diperakaunkan di iGFMAS adalah betul dan tepat.

C **Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti**

Aktiviti Migrasi Data Baki Awal ialah proses muat naik data induk dan data transaksi secara manual ke iGFMAS. Proses migrasi data baki awal adalah selaras dengan Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan yang telah menetapkan tempoh masa peralihan selama tiga (3) tahun bermula dari tarikh pelaksanaan sistem iGFMAS (1 Januari 2018). Proses migrasi data adalah untuk mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti daripada 25 kementerian.



LAPORAN AKTIVITI
MBJ



MAJLIS BERSAMA JABATAN
MBJ

MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM. Antara perkara yang boleh dibincangkan di dalam forum meliputi isu elaun dan kemudahan, kewangan, perkhidmatan, skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran dan hal-hal lain. Aduan dan cadangan daripada warga JANM yang disalurkan melalui e-mel cadangan.mbj@anm.gov.my akan dibincangkan dan ditapis terlebih dahulu di peringkat wakil pekerja sebelum dibawa ke mesyuarat MBJ.

Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada tujuh (7) orang wakil daripada pihak pengurusan dan 14 orang wakil pihak pekerja yang terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang bertugas di JANM. Pada bulan Mac 2019, undian secara atas talian telah dilaksanakan bagi memilih wakil pekerja untuk menganggotai MBJ JANM. Keputusan undian telah diumumkan dan surat lantikan telah dikeluarkan kepada kesemua 14 orang wakil pekerja yang terpilih dan tempoh lantikan adalah berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2020.

Rajah 5 : Senarai Wakil Pekerja MBJ JANM Sesi 2019/2020



Pada tahun 2019, MBJ JANM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Maklumat mesyuarat adalah seperti di Jadual 48.

Jadual 48 : Mesyuarat MBJ JANM Bagi Tahun 2019

Bil.	Lokasi	Tarikh
1.	Bilik Gerakan, JANM	28 Mac 2019
2.	Hotel Purnama, Limbang, Sarawak	14 Jun 2019
3.	Bilik Gerakan, JANM	6 Sep 2019
4.	Bilik Gerakan, JANM	16 Dis 2019

Mesyuarat MBJ JANM Bil. 2/2019 telah diadakan pada 14 Jun 2019 bertempat di Hotel Purnama, Limbang bagi memberi peluang dan pendedahan kepada ahli mesyuarat kepada suasana baru dalam bermesyuarat serta mewujudkan rangkaian kerja yang lebih efektif dan efisyen bagi memastikan pelaksanaan pengurusan lebih sistematik. Ahli mesyuarat turut berpeluang untuk bertemu dengan warga kerja JANM Cawangan Limbang dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke ruang pejabat JANM Cawangan Limbang bagi mewujudkan sikap inovasi dan kreatif di kalangan ahli mesyuarat.

Sepanjang pelaksanaan mesyuarat MBJ JANM tahun 2019, sebanyak 98 isu telah dibangkitkan dan sebanyak 79 isu (86%) telah berjaya diselesaikan oleh pihak pengurusan.

> Aduan dan cadangan daripada warga JANM yang disalurkan melalui e-mel **cadangan.mbj@anm.gov.my** akan dibincangkan dan ditapis terlebih dahulu di peringkat wakil pekerja sebelum dibawa ke mesyuarat MBJ.



LAPORAN AKTIVITI
AKRAB



AKRAB

Tahun 2019 melakar beberapa rekod kejayaan manis buat AKRAB JANM. Seramai 29 orang ahli AKRAB JANM telah mendapat pensijilan pengamal *Creative Tr@uma Cleansing* (CTC) daripada Che Qiim Training & Consultancy. Dengan itu, menjadikan AKRAB JANM sebagai perintis AKRAB di Malaysia. Teknik-teknik terapi yang telah dipelajari dalam sesi kursus dan TOT dipraktikkan dalam beberapa siri kembara yang dijalankan bersempena Taklimat Skim Penolong Akauntan di zon-zon terlibat.

AKRAB JANM juga telah dinobatkan sebagai pemenang Piala Pusingan *Booth* Pameran Terbaik Sempena Seminar 'SK²: Sejahtera Kewangan Sejahtera Kendiri' yang telah diadakan pada 17 hingga 18 April 2019 bertempat di Kementerian Kewangan Malaysia. Selain itu, AKRAB JANM juga berjaya melaksanakan Seminar 'Mental Sihat, Warga JANM Sejahtera' pada 19 hingga 20 Mac 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM yang telah mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada warga JANM mahupun peserta dari luar JANM.

Jadual 49 : Aktiviti AKRAB JANM Sepanjang Tahun 2019

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	*Art Therapy*	28 Jan 2019	Bilik AKRAB, JANM
2.	Seminar "Mental Sihat, Warga JANM Sejahtera"	19 – 20 Mac 2019	Dewan Serbaguna, JANM
3.	SK² : Sejahtera Kewangan, Sejahtera Kendiri, Kementerian Kewangan Malaysia	17 – 18 Apr 2019	Dewan Auditorium, Perbendaharaan
4.	Pelancaran Laman Web AKRAB JANM	Mei 2019	JANM
5.	*Breakfast* @RAYA	24 Jun 2019	Bilik AKRAB, JANM
6.	Kursus Persijilan Pengamal *Creative Tr@Uma Cleansing* (CTC)	11 – 13 Sep 2019	Bayou Lagoon Resort, Melaka
7.	TOT Teknik Terapi Siri 1	1 Nov 2019	Bilik AKRAB, JANM
8.	TOT Teknik Terapi Siri 2	22 Nov 2019	Bilik AKRAB, JANM
9.	Kembara AKRAB	Sep – Nov 2019	Zon Selatan, Tengah, Sarawak, Timur



Art Therapy



Seminar 'Mental Sihat, Warga JANM Sejahtera'

Laporan Jumlah Sesi Bimbingan Kaunseling Sepanjang Tahun 2019

Sesi bimbingan kaunseling diadakan bagi warga JANM yang memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, sesi lebih banyak berbentuk *'volunteer'*. Terdapat peningkatan sebanyak 69% bilangan kes berbanding tahun 2018. Rumusan kes tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 50 : Rumusan Kes Kaunseling Pada Tahun 2019

Gender	Kesihatan	Kerjaya	Peribadi	Pem. Kendiri	Prestasi	Jumlah
Lelaki	*2*	13	10	4	2	31
Perempuan	29	23	81	39	3	175
Jumlah	**31**	**36**	**91**	**43**	**5**	**206**

Mesyuarat AKRAB

Mesyuarat AKRAB JANM diadakan secara berkala bagi memantau perjalanan aktiviti. Mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Jadual 51 : Mesyuarat AKRAB JANM Pada Tahun 2019

Siri Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil. 1/2019	30 Jan 2019
Bil. 2/2019	13 Jun 2019
Bil. 3/2019	17 Okt 2019

Statistik Bilangan Ahli AKRAB Dan AKRAB *CARE*

Sehingga 31 Disember 2019, JANM mempunyai 64 orang ahli AKRAB dan 34 daripadanya merupakan ahli AKRAB *CARE*. Statistik ahli seperti berikut:


Jadual 52 : Statistik Ahli AKRAB Tahun 2019

Ahli AKRAB JANM: 64 orang	
Lelaki	Perempuan
23	41

Ahli AKRAB *CARE*: 34 orang	
Lelaki	Perempuan
10	24



LAPORAN AKTIVITI
PERSATUAN



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
PSA

Ahli Jawatankuasa PSA Sesi 2019/2020

Presiden	:	**Tuan Hj. Nasran bin Omar**
Timbalan Presiden	:	**Tuan Hj. Zaharin bin Othman**

Setiausaha Kehormat	:	Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin
Penolong Setiausaha	:	Encik Muhammad Yusri bin Abd Majid
Bendahari Kehormat	:	Cik Saadiah binti Yaacob
Penolong Bendahari	:	Encik Amirul Sufri bin Mohd Saharudin
Pengerusi Biro Ekonomi	:	Encik Rusdi bin Ahmad@Ali
Timbalan Pengerusi Biro Ekonomi	:	Encik Saly Ezmi bin Solisan
Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial	:	Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
Pengerusi Biro Profesional	:	YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali@Ibrahim
Timbalan Pengerusi Biro Profesional	:	Puan Rohanis binti Omar
Pengerusi Biro Keahlian	:	YBrs. Dr. Murni binti Subroto
Timbalan Pengerusi Biro Keahlian	:	Puan Hariyanti binti Dahlan
Pengerusi Biro Komunikasi	:	Tuan Hj. Ayub bin Hj. Zaidin
Timbalan Pengerusi Biro Komunikasi	:	Encik Fazli bin Mohamad Khairuddi
Wakil Zon Tengah	:	Puan Faridah binti Md Noor
Wakil Zon Utara	:	Puan Rohani binti Che Mie
Wakil Zon Selatan	:	Puan Kalthom binti Salim
Wakil Zon Timur	:	Encik Shahrin bin Hj. Shaari
Wakil Zon Sabah	:	Puan Hjh. Tunganai binti Datu Alang
Wakil Zon Sarawak	:	Puan Brenda Marajan
Wakil Pihak Berkuasa Tempatan	:	Tuan Hj. Mohd Nizam bin Mahayuddin

Seminar MPSAS 2019 : 'Adaptasi MPSAS – Pengalaman Dan Cabaran'

Tarikh : 2 hingga 3 April 2019
Tempat : Hotel Tenera, Bangi
Penyertaan : 380 peserta



Seminar Dirasmikan Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia



Slot Pembentangan Bersama Panel Jemputan

CIPFA *Annual Conference* 2019 Dan Lawatan Ke HM Treasury, London

PSA telah menyelaras penyertaan delegasi seramai 15 orang ke CIPFA *Annual Conference and Exhibition* pada 9 hingga 10 Julai 2019 bertempat di International Convention Centre (ICC) Birmingham. Di samping itu, PSA dengan kerjasama CIPFA London turut mengadakan sesi perbincangan bersama pakar Pengurusan Kewangan Sektor Awam pada 11 Julai 2019. Lawatan kerja ke HM Treasury pada 12 Julai 2019 pula diadakan bagi mendedahkan peserta kepada mekanisme pelaksanaan Transformasi Pengurusan Kewangan Sektor Awam di United Kingdom khususnya.

Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SeGAC) 2019

Tarikh : 17 hingga 18 Julai 2019
Tempat : Hotel Pullman, Kuching Sarawak
Penyertaan : 350 peserta
Tema : SAGA 3P : *Prompt, Precise, Probity*



YBhg. Dato' Zamimi Bin Awang Merasmikan SeGAC 2019



Sesi Pembentangan Bersama Panel Jemputan

Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-30

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PSA Ke-30 telah diadakan pada 1 Ogos 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 171 orang ahli dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah hadir ke mesyuarat tersebut.



Perasmian AGM Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia


YBrs. Encik Jafril Bin Junit, Presiden PSA Mempengerusikan AGM


Sesi Perbahasan Dan Pengundian Usul

CIMA *Executive Talk* : *'Communication And Negotiation Skills'*

CIMA *Executive Talk* dianjurkan pada 1 Ogos 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM sempena Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-30.



Ceramah Oleh Encik Mohd Sidki Bin Hassan



Penyampaian Cenderamata Kepada Penceramah

National Public Sector Accountants Conference (NAPSAC) 2019

Tarikh : 18 hingga 19 September 2019
Tempat : Hotel Perdana, Kota Bharu
Penyertaan : 410 orang
Tema : *Humanizing The Digital Wave*


NAPSAC 2019 Dirasmikan Oleh YB. Dato' Hj. Ir. Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan


Para Peserta Bergambar Kenangan Bersama Timbalan Menteri Kewangan

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PERPENA

Ahli Jawatankuasa Sesi 2018/2020

Penaung	:	**YBhg. Datuk Saat bin Esa**
Penasihat	:	**YBhg. Dato' Zamimi bin Awang**
Presiden	:	**Encik Mohd Syairol Azwan bin Shabudin**
Timbalan Presiden	:	**Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz**
Setiausaha	:	Puan Raja Saadiah binti Alwee
Penolong Setiausaha	:	Puan Putri Nur Aslina binti Tengku Khariman
Bendahari	:	Encik Marlizan bin Ma'arof
Biro Perhubungan	:	Encik Abdul Samad bin Asmawi
	:	Encik Mohd Ridzal bin Md Yusof
Biro Korporat	:	Puan Suhazlinda binti Mohamed
	:	Puan Misrah binti Jais
Biro Kebajikan	:	Puan Suhaila binti Md Salim
	:	Encik Muzzaffar Shah bin Soleh
Biro Program dan Aktiviti	:	Encik Wan Mohammad Hizal bin Wan Zainal
	:	Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad
Biro Teras Perkhidmatan	:	Encik Amrul Fazli bin Mohamad
	:	Puan Zuliza binti Razali
Biro Tugas-tugas Khas	:	Encik Muhammed Noor Akhbar bin Abdul Rahim
Biro Informasi dan Keahlian	:	Encik Mohd Saiful bin Ali
	:	Puan Siti Sahidayu binti Abu Bakar
Juruaudit Dalaman	:	Puan Vasugi M.Sethu
	:	Puan Kamsiah binti Kasim

Program *Corporate Social Responsibility* (CSR)

PERPENA atas rasa tanggungjawab sosial telah menganjurkan program CSR dengan kaedah penyerahan bahan ilmiah dan pembelajaran kepada Tadika MAIWP Presint 18, Putrajaya. Program telah dilaksanakan pada 7 Mac 2019 dengan dihadiri oleh pihak Pengurusan Tadika MAIWP dan barisan jawatankuasa PERPENA. PERPENA akan meneruskan lagi program yang sebegini di masa akan datang.



Penyampaian Sumbangan Kepada Wakil Pengurusan Tadika MAIWP

Lawatan Kerja Dan *Roadshow* PERPENA Mengikut Zon

Bermatlamat mendekati ahli dan konsep turun padang bagi merapatkan ukhwah di samping menarik keahlian, PERPENA telah menganjurkan siri lawatan kerja dan *roadshow* PERPENA mengikut zon. Pada 14 hingga 17 Mac 2019 telah diadakan di peringkat Zon Utara merangkumi Pulau Pinang, Perlis dan Kedah. Manakala peringkat Zon Selatan telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2019 merangkumi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Sambutan yang diberikan amat menggalakkan dan PERPENA berpeluang mendengar pandangan dan idea dari ahli-ahli di peringkat negeri. Program ini akan diperluaskan di peringkat zon-zon yang lain.



Program *Roadshow* Yang Disertai Oleh Semua Skim Penolong Akauntan

Program Transformasi Minda Dan Keterampilan Diri

Bagi melahirkan ahli yang kreatif, mampan dan berinovasi, PERPENA telah menganjurkan satu program dengan pendekatan ceramah daripada penceramah, Puan Siti Fatma Omar berkenaan transformasi minda dan keterampilan diri seorang penjawat awam. PERPENA berharap ilmu yang telah disampaikan dapat diaplikasikan dalam menjalankan tugas. Program sehari ini dianjurkan pada 26 Ogos 2019 dan telah mendapat sambutan menggalakkan di kalangan ahli. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zamimi Awang, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) selaku Penasihat PERPENA.



Program Transformasi Minda Dan Keterampilan Diri Anjuran PERPENA

Mesyuarat Agung PERPENA Kali Ke-5

Mesyuarat Agung PERPENA Kali Ke-5 telah diadakan pada 26 Ogos 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Mesyuarat telah membuat pelantikan Penolong Setiausaha yang baharu. Di samping itu, mesyuarat juga telah membincangkan beberapa usul yang dikemukakan oleh ahli.



Antara Jemputan Yang Menghadiri Perasmian Mesyuarat Agung PERPENA Kali Ke-5

PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
PERBAKTI

Ahli Jawatankuasa PERBAKTI Tahun 2019

Penaung	:	**YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa**
Penasihat	:	**YBrs. Encik Jafril bin Junit**
Yang Dipertua	:	**Encik Mio Asni bin Haji Mio Azlan**
Naib Yang Dipertua	:	**Encik Mohd Hairildha bin Urif**
Setiausaha	:	Puan Ana Umilhusna binti Zulkifly
Penolong Setiausaha	:	Puan Siti Nashrah binti Mohd Razali
Bendahari	:	Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab
Penolong Bendahari	:	Puan Ramsuhaida binti Ramli
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Nazhir bin Musa
	:	Encik Alias bin Che Rose
	:	Encik Akhirudin bin Mat Desa
	:	Encik Mohd Azrizal bin Zawin Anuar
	:	Puan Nor Azwa binti Ahmad Adnan
	:	Encik Arbain bin Talib
	:	Puan Noor Azlina binti Kadeh
Wakil Zon Utara	:	Puan Izza Muslina binti Ismail
Wakil Zon Timur	:	Encik Mohd Nawi bin Besar
Wakil Zon Tengah	:	Puan Siti Noraishah binti Mastuki
Wakil Zon Barat	:	Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar
Wakil Zon Selatan	:	Encik Wan Mohd Zuhdi bin Wan Yusof
Wakil Sabah	:	Encik Abd Hamid bin Arbin
Wakil Sarawak	:	Encik Gunggang Chendan
Wakil Labuan	:	Puan Norieta binti Hambali
Pemeriksa Kira-kira I	:	Puan Norazlina binti Nazri
Pemeriksa Kira-kira II	:	Puan Siti Norazelin binti Ismail

Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-8 Tahun 2019

PERBAKTI telah mengadakan Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-8 Tahun 2019 pada 24 hingga 26 April 2019 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Persidangan kali ini lebih kepada penekanan penyampaian tentang perakaunan berasaskan digital bersesuaian dengan tema persidangan iaitu 'Perakaunan Digital Memperkasa Organisasi'. Peserta persidangan telah didedahkan kepada cabaran dan hala tuju kerjaya Pembantu Akauntan.

Di samping itu, persidangan pada kali ini lebih kepada perkongsian ilmu untuk pelaksanaan tugas dengan lebih dedikasi, cemerlang dan berintegriti. Persidangan kali ini melibatkan pegawai tertinggi JANM yang turut sama menyumbang idea dan pandangan serta pengalaman. Persidangan ini hanya diadakan setiap dua (2) tahun sekali dan terbuka kepada semua Pembantu Akauntan di seluruh negara.

Kursus Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)

Kursus BITK telah diadakan pada 9 hingga 10 Julai 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Kursus ini telah dihadiri seramai lebih kurang 110 orang pegawai yang terdiri daripada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir Kewangan. Tujuan kursus ini diadakan adalah sebagai persediaan pegawai untuk menduduki peperiksaan BITK yang diadakan pada 24 Julai 2019.

Kursus Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan, Kenaikan Pangkat Ke KUP W28 Dan Cadangan Kenaikan Elaun BITK

PERBAKTI telah mengadakan Kursus Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan, Kenaikan Pangkat Ke KUP W28 dan Cadangan Kenaikan Elaun BITK pada 27 hingga 29 September 2019 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Kursus ini melibatkan semua AJK PERBAKTI sesi 2019/2020. Kertas kerja tersebut telah dikemukakan kepada Penasihat PERBAKTI, YBrs. Encik Jafril bin Junit.





Kursus Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan, Kenaikan Pangkat Ke KUP W28 Dan Cadangan Kenaikan Elaun BITK

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUSPANITA

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JANM Tahun 2019

Pengerusi	:	**YBrs. Puan Rugayah binti Mohd Zin**
Timbalan Pengerusi I	:	**Puan Rozita @ Ramlah Azizah binti Shahar**
Timbalan Pengerusi II	:	**Puan Zalizah binti Nawi**
Ketua Pegawai Operasi	:	**Puan Noraida binti Alias**
Bendahari	:	Puan Zuriyanti binti Abd Hamid
Penolong Bendahari	:	Puan Norazwin binti Zainal
Setiausaha	:	Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop
Penolong Setiausaha	:	Puan Norzila binti Ngadiman
Biro Ekonomi dan Keahlian	:	Cik Melissa Edrickson
	:	Puan Noorhafizah binti Aziz
	:	Puan Nurizzati binti Mohamad Amir
Biro Kebajikan dan Agama	:	Puan Hasmah binti Darmawi
	:	Puan Mas Ayu binti Johari
	:	Puan Rosmiza binti Che Azmi
	:	Puan Nor Azneyani binti Zakaria
Biro Pendidikan dan Kesihatan	:	Puan Siti Hajar binti Paiman
	:	Puan Roslina binti Mat Rejab
	:	Puan Norhidayah binti Sumari
	:	Puan Farah Hana binti Abdul Rahman
Biro Sukan dan Sosial	:	Puan Zuliza binti Razali
	:	Puan Roszalina binti Ruslan
Biro Promosi dan Publisiti	:	Puan Liliwaty binti Abdul Rahman
	:	Puan Masitah binti Ab Ghani

Lawatan Ke Nasyrul Quran Putrajaya

Program Lawatan ke Nasyrul Quran yang terletak di Presint 14, Putrajaya diadakan pada 25 Januari 2019 melibatkan 40 orang ahli PUSPANITA JANM. Lawatan ini memberi peluang kepada ahli untuk melihat sendiri cara Al-Quran dicetak dan dijilid selain melihat keunikan seni bina kompleks yang merupakan kompleks percetakan Al-Quran kedua terbesar dunia.



Lawatan Ke Nasyrul Quran

Kuliah Perdana Bersempena Hari Wanita 'Mengimbangi Peranan Wanita : Isteri, Ibu, Anak Dan Penjawat Awam'

PUSPANITA JANM selaku Biro Agama PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat telah menganjurkan Kuliah Perdana Bersempena Hari Wanita 'Mengimbangi Peranan Wanita : Isteri, Ibu, Anak dan Penjawat Awam' pada 8 Mac 2019 bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan. Sesi kuliah ini terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu taklimat dari Pusat Pungutan Zakat dan kuliah yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Haslin Baharin. Program ini melibatkan 300 orang peserta yang terdiri daripada ahli PUSPANITA Kementerian Kewangan (Jabatan dan Agensi).



Kuliah Perdana Bersama Ustaz Haslin Baharin



Majlis Pelancaran 'Food Bank For Needy'

'Food Bank For Needy'

'Food Bank For Needy' dijalankan bersempena bulan Ramadan 1440H terbuka kepada seluruh warga JANM untuk memberi sumbangan berupa makanan kering, makanan bertin, bahan masakan seperti minyak dan garam mahupun sumbangan wang tunai. Penerima sumbangan terdiri daripada warga JANM yang dikenal pasti berkeperluan. Majlis Pelancaran oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Penasihat PUSPANITA JANM diadakan pada 10 Mei 2019 dan Majlis Penyerahan Sumbangan diketuai oleh Pengerusi PUSPANITA pada 27 Mei 2019.

Program Tadarus Dan Khatam Al-Quran

Bersempena dengan Ramadan Al-Mubarak 1440H, PUSPANITA JANM merangkap Biro Agama PUSPANITA Kementerian Kewangan pada tahun ini sekali lagi mengadakan Program Tadarus dan Khatam Al-Quran pada 10 Mei 2019 bertempat di Surau Muhammad Al Fateh, Kementerian Kewangan. Program ini melibatkan 150 ahli PUSPANITA iaitu 10 kumpulan dan dipimpin oleh 10 orang pembimbing dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Setiap kumpulan diberikan tiga (3) juzuk untuk dibaca dan diselesaikan dengan sempurna.

Lawatan Ke Rumah Hutan Terapi Alam Bonda Rozita

Lawatan ilmiah ini diadakan pada 15 Oktober 2019 dan berjaya mendapat sambutan hebat daripada ahli PUSPANITA. Seramai 60 penyertaan terawal diberi peluang bertemu dengan Bonda Rozita Ibrahim selama satu (1) jam selain berkesempatan melawat Rumah Hutan, Rumah Sungai dan merasai keenakan ikan lunak semasa makan tengah hari. Peserta juga mendapat harga potongan istimewa bagi pembelian produk kesihatan dan produk sejuk beku keluaran Bonda Rozita.



Lawatan Ke Rumah Hutan Bonda Rozita

Karnival PUSPANITA JANM Tahun 2019

Karnival PUSPANITA JANM Tahun 2019 merupakan acara gemilang bagi penutup tahun 2019. Karnival yang berskala mega ini diadakan pada 25 November 2019 meliputi tangga Zon 2, Lobi JANM, Laman Kafeteria dan Dewan Serbaguna. Karnival ini dimulakan dengan Jualan Tangga dan diteruskan dengan Majlis Perasmian oleh YBhg. Puan Sri Tini Suriani binti Mohd Sharif, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Kewangan. Buat julung kalinya, PUSPANITA menubuhkan kumpulan koir yang telah memberikan persembahan semasa majlis perasmian tersebut.

Karnival ini turut diisi dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Zulkifli Abdul Kadir dari UITM yang menyaksikan kehadiran warga JANM memenuhi segenap ruang dewan. Acara diteruskan dengan Pertandingan Gubahan Bunga dan Coklat bagi ahli PUSPANITA dan Pertandingan *Jigsaw* dan *Beyblade* bagi anak-anak warga JANM. PUSPANITA juga turut menjemput Saudara Edika Yusof bagi sesi bual bicara santai 'Dari Hati ke Hati'. Selain itu, penyediaan ruang *booth-booth* jualan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma telah menarik minat seluruh warga JANM.



Ceramah 'Sihat Itu Bahagia' Semasa Karnival PUSPANITA JANM 2019

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

JHEAIN

Ahli Jawatankuasa JHEAIN Tahun 2019

Pengerusi	**:**	**Encik Sharizon bin Salleh**
Timbalan Pengerusi	**:**	**Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok**

Setiausaha	:	Encik Mohd Taufik bin Hj. Ahmad
Penolong Setiausaha	:	Puan Norbaini binti Ibrahim
Bendahari Kehormat	:	Encik Osman bin Mantali
Penolong Bendahari I	:	Encik Shahrul Anwar bin Sahar
Penolong Bendahari II	:	Puan Nik Salma Irwani binti Ibrahim
Biro Dana	:	Puan Nor Azneyani binti Zakaria
Ketua Biro Dakwah	:	Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok
Ketua Biro Muslimat	:	Cik Rosnani binti Mohamad
Ketua Biro Seranta	:	Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun

Aktiviti JHEAIN Tahun 2019

Selaras dengan peranan JHEAIN dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kerohanian, sebanyak sembilan (9) program telah dirangka dan dilaksanakan dalam tahun 2019. Objektif utama penganjuran program-program tersebut adalah bagi memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam, menghayati dan mengamalkan nilai murni berlandaskan syariat Islam dalam menjalankan tugas seharian, di samping memupuk sifat pembudayaan ilmu secara berterusan di kalangan warga JANM.



Kursus Pengurusan Jenazah Yang Diadakan Di Dewan Serbaguna, JANM

Program-program ini adalah berbentuk ceramah agama dan solat-solat sunat seperti Solat Hajat dan Solat Tarawih. Ceramah agama yang diadakan pula telah disampaikan oleh tokoh-tokoh ilmuan agama yang tersohor dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga JANM. Sambutan terhadap kesemua program yang dianjurkan tidak kurang daripada 100 peserta yang hadir bagi setiap program. Perincian program-program yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 53.

Jadual 53 : Senarai Aktiviti JHEAIN Bagi Tahun 2019

Bil.	Program	Penceramah/Pembimbing	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Majlis Bacaan Yasin Perdana Tahun 2019	Diketuai oleh Encik Ismail Fahmi bin Abdul Manan	25 Jan 2019	200
2.	Ceramah Sambutan Ambang Ramadan Al-Mubarak 1440H	Disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Che Amran bin Md. Yusoff	17 Apr 2019	250
3.	Ceramah Agama sempena Program Jalinan Ukhuwah JANM	Disampaikan oleh Ustaz Abd. Wahid bin Ishak	27 Apr 2019	500
4.	Ceramah 'Pembudayaan Al-Quran dalam Persekitaran Kerja', Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih JANM Tahun 2019	Disampaikan oleh YBhg. Dato' Zamimi bin Awang	17 Mei 2019	350
5.	Kursus Pengurusan Jenazah Tahun 2019	Penceramah Jemputan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	16 Jul 2019	350
6.	Solat Hajat dan Bacaan Yasin bagi anak-anak warga JANM yang akan menduduki peperiksaan	Dipimpin oleh Encik Shahrul Anwar bin Sahar	30 Ogos 2019	150
7.	Solat Hajat dan Bacaan Yasin sempena kejayaan JANM memperolehi Sijil Audit Bersih Tahun 2019	Dipimpin oleh Encik Shahrul Anwar bin Sahar	20 Sep 2019	200
8.	Ceramah sempena Awal Muharam 1441H	Disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Wadi Annuar bin Ayob	24 Sep 2019	200
9.	Ceramah Maulidur Rasul 1441H	Disampaikan oleh Ustazah Dato' Dr. Norhafizah binti Musa	14 Nov 2019	300



Ahli Jawatankuasa JHEAIN Bergambar Bersama Al Fadhil Ustaz Wadi Annuar



Peserta Ceramah Maulidur Rasul 1441H Bergambar Bersama Ustazah Dato' Dr. Norhafizah Binti Musa



LAPORAN AKTIVITI
KELAB



BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BERKAT

Ahli Jawatankuasa BERKAT Tahun 2019

Pengerusi	:	**YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa (terkini)**
		YBhg. Datuk Saat bin Esa (sehingga 30 Oktober 2019)
Timbalan Pengerusi	:	**YBhg. Dato' Zamimi bin Awang**
Setiausaha	:	Puan Noor Azlina binti Che Jian
Penolong Setiausaha	:	Encik Mohd Izzuddin bin Jasni
Bendahari	:	Puan Hanita binti Bunjari
Penolong Bendahari	:	Encik Osman bin Mantali
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Mohd Redzuan bin Hasan (JK Sosial)
		Encik Jafril bin Junit (JK Keahlian)
		Encik Rosdi bin Abu (JK Kesihatan)
		Encik Sadikin bin Aton (JK Pendidikan)
		Encik Abdul Majid bin Salleh (JK Kebajikan)
		Puan Ruzinah binti Rukun (JK Promosi dan Komunikasi)

Matlamat BERKAT adalah untuk menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya. Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta warganegara Malaysia. Keahlian secara automatik ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan bantuan.


Pada tahun 2019, sebanyak 745 permohonan diterima berbanding tahun sebelumnya iaitu 590 permohonan. Sebanyak 700 permohonan berjaya mematuhi kriteria kelayakan bantuan dan bayaran yang telah selesai pada tahun semasa melibatkan amaun sebanyak RM79,920.00.

Pecahan bilangan permohonan berbanding kelulusan bantuan serta amaun kelulusan yang telah selesai dibayar mengikut kategori bantuan Kebajikan, Kesihatan, Sosial dan Pendidikan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 54 : Pecahan Bayaran Mengikut Kategori Tahun 2019

Kategori Bantuan	Permohonan	Kelulusan	Jumlah Bayaran (RM)
Sosial	145	144	26,610.00
Kebajikan	127	115	25,100.00
Kesihatan	200	193	13,500.00
Pendidikan	273	248	14,710.00
Jumlah	**745**	**700**	**79,920.00**

Carta 18 : Pecahan Bayaran Mengikut Kategori Tahun 2019



Perincian mengenai bantuan yang disalurkan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 55 : Perincian Bantuan Mengikut Kategori

Sosial	Kebajikan	Kesihatan	Pendidikan
Bantuan perayaan utama mengikut agama/kaum ahli yang susah	Bantuan bencana alam	Ahli/keluarga mengalami masalah kesihatan yang teruk atau kritikal	Bantuan persekolahan anak ahli yang susah
	Bantuan kematian ahli	Ahli/keluarga mengalami kecederaan yang parah akibat daripada kemalangan	
	Bantuan kematian keluarga ahli	Membeli peralatan sokongan bagi kurang upaya sekiranya ahli/ keluarga tidak dibiayai/mendapat bantuan kerajaan	Anugerah kepada anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan
	Lain-lain bantuan kepada ahli dalam kesusahan	Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan (kecuali masuk wad kerana bersalin)	Bantuan masuk Institut Pengajian Tinggi (IPT)
		Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan kerana keguguran	

Nota: Ahli yang susah - pendapatan kasar bulanan ahli dan suami/isteri RM4,000 dan ke bawah.

Garis panduan bantuan/sumbangan BERKAT sentiasa disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar seiring dengan perkembangan semasa. Garis panduan permohonan bantuan BERKAT boleh disemak melalui Portal JANM.

KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KESAN

Ahli Jawatankuasa KESAN Tahun 2019

Yang Dipertua	:	**YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa**
Naib Yang Dipertua	:	**Encik Azeman bin Miskah**
Bendahari Kehormat	:	Puan Sunita binti Mohd Sari
Setiausaha Kehormat	:	Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
Penolong Bendahari	:	Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad
Penolong Setiausaha	:	Encik Armi Afifi bin Azmi
Ketua Biro Rekreasi	:	Encik Shahlan bin Md Shukor
Ketua Biro Sukan	:	Puan Sharidah binti Harun
Ketua Biro Sosial	:	Encik Roslie bin Rustam
Ketua Biro Terbitan dan Informasi	:	Encik Muhammad Ikram bin Abdul Karim
AJK Biro Rekreasi	:	Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin
	:	Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab
AJK Biro Sukan	:	Encik Norjayadi bin Musleh
	:	Encik Sivasunthar a/l Pasubalan
AJK Biro Sosial	:	Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin
	:	Cik Melissa Edrickson
AJK Biro Terbitan dan Informasi	:	Encik Megat Muhamad Raihan bin Wan Abd Rashid

KESAN yang terdiri daripada Jawatankuasa Tertinggi dan juga tiga (3) biro utama iaitu Biro Rekreasi, Biro Sukan dan Biro Sosial telah menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2019. Ini bagi memastikan semua ahli KESAN mendapat manfaat daripada sumbangan yang telah diberikan oleh semua ahli, di samping mengukuhkan silaturahim di kalangan ahli-ahli KESAN.

Pesta Sukan Rakyat Perbendaharaan (PSRP) Kali Pertama

PSRP Tahun 2019 merupakan acara tahunan yang pertama kali dianjurkan oleh Kelab Perbendaharaan Putrajaya. Acara ini telah diadakan pada 22 hingga 24 Ogos 2019 bertempat di sekitar Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Pasukan EXCELLENT JANM telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan PSRP Tahun 2019 dengan merangkul enam (6) pingat emas dan enam (6) pingat perak. Sebanyak 12 acara sukan tradisional yang dipertandingkan iaitu:

Jadual 56 : Senarai Acara Sukan Tradisional Yang Dipertandingkan

Bil.	Acara	Keputusan
1.	Tuju Guli	Johan
2.	Batu Seremban	Johan
3.	Ceper	Johan
4.	Sepak Raga Bulu Ayam	Johan
5.	Sepak Raga Bulatan	Johan
6.	Tarian Tradisional	Johan

Bil.	Acara	Keputusan
7.	Congkak	Naib Johan
8.	Dam Aji	Naib Johan
9.	Lompat Getah	Naib Johan
10.	Teng Teng	Naib Johan
11.	Galah Panjang (Lelaki)	Naib Johan
12.	Galah Panjang (Wanita)	Naib Johan



Pasukan Sepak Raga Bulatan



Pasukan Batu Seremban

Program Pemukiman Dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) Di Taman Negara, Endau Rompin Selai, Johor

Program Pemukiman dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) di Taman Negara, Endau Rompin Selai, Johor telah diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2019. Program anjuran bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ini telah disertai oleh 62 orang ahli KESAN dan 10 orang wakil dari BMMB. Aktiviti CSR yang dijalankan oleh peserta adalah agihan barangan surau dan sumbangan wang tunai kepada Surau Kampung Kudung serta agihan wang tunai dan pakaian terpakai kepada 61 orang ketua keluarga di Kampung Selai. Manakala aktiviti rekreasi pula adalah kembara ke Takah Tempaang dan Takah Berangin, memancing dan menyumpit.



Penyampaian Cenderahati Oleh Wakil Jawatankuasa Surau Kampung Kudung Kepada YBrs. Encik Jafril Bin Junit Yang Mewakili KESAN



Para Peserta Dan Penduduk Kampung Selai Bergambar Kenangan



AHLI JAWATANKUASA



AHLI JAWATANKUASA LAPORAN AKTIVITI JANM 2019

Penaung	:	**YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa** **Akauntan Negara Malaysia**
Penasihat	:	**YBrs. Encik Sadikin bin Aton** **Timbalan Akauntan Negara (Korporat)**
Pengerusi	:	**YBrs. Encik Jafril bin Junit** **Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan**

Ahli Jawatankuasa	:	Puan Noor Azlina binti Che Jian (Wakil SPKP, BPPP)
	:	Puan Naharriah binti Mohamed (Wakil SPPS, BPPP)
	:	Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab (Wakil SPPS, BPPP)
	:	Encik Armi Arfifi bin Azmi (Wakil SKPSM, BPPP)
	:	Puan Fauziah binti Abdullah (Wakil SKPSM, BPPP)
	:	Puan Baizurah binti Sabri (Wakil SKPSM, BPPP)
	:	Puan Yusnizar binti Mohd Yusuf (Wakil BPOPA)
	:	Puan Siti Aishah binti Bahrom (Wakil BWTD)
	:	Puan Norfariza binti Mohd Rosman (Wakil PPPA)
	:	Cik Varalaksimy a/p Gangan (Wakil BPOPP)
	:	Puan Nor Sakilawati binti Abd Wahab (Wakil BPTM)
	:	Puan Suhaiza binti Mohd Abolah (Wakil BKP)
	:	Encik Ahmad Jawad bin Abd Karim (Wakil BPAD)
	:	Puan Emilia binti A.Rahman (Wakil BA MOF)
	:	Encik Noramin bin Juminen (Wakil IPN)
	:	Puan Tun Noor Adillah binti Mohammed Sohami (Wakil UI)
	:	Puan Nurhidayah binti Mazlan (Wakil UU)
	:	Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin (Wakil PSA)
	:	Puan Raja Saadiah binti Alwee (Wakil PERPENA)
	:	Puan Ana Umilhusna binti Zulkifly (Wakil PERBAKTI)
	:	Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop (Wakil PUSPANITA)
	:	Puan Norbaini binti Ibrahim (Wakil JHEAIN)
	:	Puan Noor Azlina binti Che Jian (Wakil BERKAT)
	:	Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali (Wakil KESAN)
	:	Puan Siti Norhayati binti Mohd Ali (Wakil AKRAB)
Editor	:	Encik Zainuddin bin Manaf
	:	Cik Norfaezah binti Amad Bistomam
	:	Puan Siti Hanani binti Baharom
	:	Cik Hajar binti Abd Razak
	:	Puan Nik Nur Anissa binti Nik Mohd Yusof
	:	Encik Amirul Hakim bin Adlin
	:	Encik Nik Mohd Rahimi bin Nik Mohd Nasir
	:	Cik Nur Aqilah binti Yahya

PENGHARGAAN



Sidang Editor

Laporan Aktiviti 2019

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Aktiviti 2019 ini.



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana,
Presint 2,
62594 Putrajaya

Tel : 03 - 8882 1000
Faks : 03 - 8889 5821
www.anm.gov.my

ISSN 2600-724X